BAB 7

STRUKTUR SISTEM

7. Struktur Sistem

Sistem pendidikan di Malaysia terus berusaha memastikan setiap kanak-kanak warganegara mendapat peluang pendidikan yang sesuai pada masa yang tepat iaitu sejak lahir hingga ke alam kerjaya. Usaha tersebut menuntut keperluan melakukan beberapa anjakan dalam struktur sistem pendidikan. Bab ini mengkaji cadangan bagaimana struktur sistem pendidikan di Malaysia dan amalan sistem pendidikan berprestasi tinggi dapat dipadankan supaya hasil yang lebih baik dapat dicapai. Bab ini akan membincangkan peluasan akses kepada prasekolah supaya semua kanak-kanak warganegara mempunyai peluang yang sama dalam pendidikan, berserta anjakan lain dalam peringkat pendidikan. Sistem pendidikan yang luwes akan dibangunkan bagi menyediakan murid dengan laluan pendidikan yang bersesuaian dengan bakat, minat dan gaya pembelajaran masing-masing. Akhirnya, sistem pendidikan Malaysia akan berubah daripada pembelajaran sekolah kepada suatu sistem pembelajaran yang mengupayakan pelibatan ibu bapa dan komuniti supaya setiap murid berpotensi menikmati persekitaran pembelajaran yang paling sesuai dan berkesan.

Kementerian berhasrat membantu semua kanak-kanak warganegara menyedari bakat masing-masing, meneroka kebolehan yang ada dan memastikan mereka berada pada laluan yang betul bagi mencapai potensi sebenar. Hasrat ini perlu didahului dengan usaha bagi memastikan setiap kanak-kanak mendapat peluang dan akses yang sama dalam pendidikan, tanpa mengira latar belakang, dan dapat belajar dalam persekitaran yang paling sesuai. Pendekatan pendidikan ini berupaya membantu murid mengembangkan kemahiran yang diperlukan dalam menghadapi cabaran abad ke-21. Pendekatan ini dapat melatih generasi muda Malaysia supaya bersikap lebih ingin tahu serta mencari penyelesaian sendiri, mengemukakan pertanyaan dan mencari jawapan, sanggup berfikir dengan pendekatan baharu, mereka bentuk penyelesaian baharu, dan mencipta peluang baharu.

PERINGKAT DAN TEMPOH PENDIDIKAN

Kementerian akan memastikan setiap kanak-kanak mendapat peluang yang sama dalam pendidikan tanpa mengira latar belakang etnik, status sosioekonomi atau kedudukan geografi. Matlamat ini akan dapat dicapai melalui usaha meningkatkan enrolmen bagi memastikan akses sejagat pada peringkat prasekolah, pendidikan rendah, menengah rendah dan menengah atas.

Langkah yang akan diambil termasuk:

- Memastikan peringkat dan tempoh pendidikan selari dengan amalan sistem pendidikan berprestasi tinggi;
- Memperluas akses dan meningkatkan enrolmen pada peringkat prasekolah; dan
- Menerima pakai pendekatan pemberian bantuan yang lebih bersasaran dan berasaskan keperluan serta bantuan lain untuk menangani isu kanak-kanak tidak berdaftar untuk persekolahan dan murid berisiko tercicir daripada sistem pendidikan.

EKSHIBIT 7-1

Laluan Pendidikan di Malaysia



Malaysia telah mencapai kejayaan yang boleh dibanggakan dalam pendidikan. Seperti yang ditekankan dalam Bab 3, enrolmen pada peringkat sekolah rendah dan menengah rendah hampir mencapai tahap sejagat, dan peningkatan enrolmen pada peringkat prasekolah dan menengah atas adalah membanggakan. Walau bagaimanapun, dalam usaha menyediakan murid bagi menghadapi cabaran abad ke-21, elemen berkaitan struktur dalam sistem pendidikan kebangsaan perlu disusun semula, supaya selari dengan amalan terbaik pada peringkat antarabangsa.

Peringkat pendidikan

Sistem pendidikan kebangsaan terbahagi kepada lima peringkat iaitu prasekolah, pendidikan rendah, menengah rendah, menengah atas serta lepas menengah dan pendidikan tertiari (Ekshibit 7-1).

Murid yang melalui sistem pendidikan kebangsaan akan mengikuti pendidikan formal selama 12 hingga 13 tahun (tidak termasuk pendidikan prasekolah) sebelum mengikuti pendidikan tinggi. Perbezaan satu tahun tempoh pendidikan bergantung pada jenis pendidikan lepas menengah atau program prauniversiti yang dipilih. Murid yang mengikuti program dua tahun STPM (setara dengan A-Level) atau pilihan alternatif aliran agama iaitu Sijil Tinggi Agama Malaysia (STAM) memerlukan 13 tahun untuk menamatkan pengajian mereka. Murid yang mengikuti program Matrikulasi pula memerlukan 12 tahun pendidikan. Murid berkeperluan khas juga mempunyai pilihan tambahan tempoh dua tahun untuk menamatkan persekolahan mereka.

Tempoh persekolahan selama 13 tahun sehingga tamat STPM adalah setanding dengan sistem pendidikan lain yang maju, dan banyak sistem pendidikan seperti England dan Scotland, mencapai standard A-Levels dalam tempoh 13 tahun. Di Hong Kong dan Singapura (Ekshibit 7-2), program yang setara dengan A-Levels boleh dijalankan dalam tempoh 12 tahun. Bagi mencapainya, Hong Kong menggugurkan peperiksaan mereka yang setara dengan O-Levels bagi memberikan lebih banyak masa untuk proses pembelajaran kepada murid. Di Singapura, kira-kira 30% murid yang berada dalam aliran akademik biasa masih mengambil masa 13 tahun dan bukannya 12 tahun untuk mencapai kelayakan yang setara dengan A-Level. Malaysia memperuntukkan jumlah waktu pengajaran yang sama bagi pendidikan peringkat rendah, menengah dan lepas menengah jika dibandingkan dengan sistem pendidikan negara lain (Ekshibit 7-2). Ini menunjukkan sistem pendidikan sedia ada memperuntukkan masa yang mencukupi untuk murid Malaysia belajar dan berkembang secara holistik, setanding dengan amalan sistem pendidikan berprestasi tinggi.

Pendidikan formal di Malaysia bermula dengan kemasukan ke sekolah rendah pada umur 6+ tahun. Umur kemasukan 6+ tahun untuk pendidikan rendah adalah sama dengan amalan kebanyakan sistem pendidikan berprestasi tinggi, seperti Singapura dan Ontario (Kanada). Malah, sistem pendidikan Finland (yang mempunyai antara sistem pendidikan berprestasi terbaik dalam pentaksiran antarabangsa), memulakan pendidikan rendah pada umur 7+ tahun.

Pada masa ini, Malaysia hanya mewajibkan pendidikan peringkat rendah. Selama ini, Malaysia bergantung pada inisiatif lain bagi meningkatkan kadar enrolmen. Inisiatif ini termasuk kempen memberi maklumat kepada ibu bapa, dan bantuan kewangan kepada keluarga. Seperti yang dinyatakan dalam Bab 3, inisiatif ini berjaya meningkatkan akses kepada pendidikan. Enrolmen setiap peringkat pendidikan menunjukkan peningkatan berterusan hampir mencapai tahap sejagat dengan enrolmen di sekolah awam dan sekolah swasta pada peringkat rendah dan menengah rendah, masing-masing 96% dan 91% pada 2011. Enrolmen peringkat menengah atas juga meningkat secara mendadak sejak beberapa tahun yang lalu iaitu daripada 45% sekitar 1980-an kepada kira-kira 82% pada 2011. Walau bagaimanapun, lebih banyak usaha perlu dilakukan bagi mendaftar murid yang berada dalam kelompok 5-10%, populasi yang paling sukar dicapai.

Pendidikan prasekolah

Program Asuhan dan Didikan Awal Kanak-Kanak (ECCE) terbahagi kepada pendidikan prasekolah untuk kanak-kanak berumur antara 4+ hingga 5+ tahun, dan pusat jagaan harian untuk kanak-kanak yang lebih muda. ECCE memainkan peranan penting dalam perkembangan psikologi dan intelek kanak-kanak. Kementerian menyasarkan enrolmen sejagat bagi pendidikan prasekolah untuk kanak-kanak berumur 5+ tahun supaya semua kanak-kanak mendapat peluang yang sama menerusi akses kepada prasekolah. Kajian yang dijalankan oleh OECD (2011) mendapati bahawa terdapat kaitan antara pendidikan prasekolah dengan peningkatan pendapatan isi rumah dan keberhasilan lain yang membawa manfaat sepanjang hayat. Kemungkinan kanak-kanak daripada keluarga berpendapatan rendah tidak mengikuti pendidikan prasekolah adalah lebih tinggi berbanding rakan sebaya yang berasal daripada keluarga berkemampuan. Oleh itu, apabila kanak-kanak ini memasuki sekolah rendah, mereka tidak memiliki kelebihan seperti yang dimiliki oleh rakan mereka yang mengikuti pendidikan prasekolah. Bagi meningkatkan lagi ekuiti, Kementerian telah banyak menambah pelaburan bagi menggalakkan enrolmen prasekolah sebagai sebahagian daripada inisiatif NKRA Pendidikan.

Seperti yang dinyatakan dalam Bab 3, senario pendidikan prasekolah di Malaysia menyaksikan perkembangan yang memberangsangkan sejak beberapa dekad yang lalu. Sehingga akhir 2011, kira-kira 77% kanak-kanak berumur antara 4+ hingga 5+ tahun telah mendaftar dalam pelbagai bentuk pendidikan prasekolah. Keseluruhannya dianggar sebanyak 733,000 kanak-kanak telah mendaftar dalam hampir 40,000 kelas prasekolah. Kementerian menyasarkan enrolmen di prasekolah berdaftar meningkat sehingga 92% menjelang 2015. Sasaran ini menuntut pertambahan sebanyak 3,500 bilik darjah bagi menampung tambahan hampir 71,000 enrolmen pada 2015. Menjelang 2020, Kerajaan menjangkakan enrolmen menyeluruh di peringkat prasekolah dengan kira-kira 900,000 kanak-kanak berdaftar di prasekolah seluruh negara.

EKSHIBIT 7-2

Perbandingan jumlah jam pengajaran antara sistem pendidikan



SUMBER: Biro Pendidikan Hong Kong; Kementerian Pelajaran Singapura; Jabatan Pendidikan United Kingdom; Kementerian Pendidikan Malaysia; Bahagian Pendidikan & Latihan New South Wales; Biro Pendidikan Shanghai; Kementerian Pelajaran & Kebudayaan Finland; Kementerian Pelajaran Ontario; Kementerian PelajaranTaiwan; OECD

Pelan Tindakan: Penyelarasan dengan sistem pendidikan berprestasi tinggi

Kementerian tetap beriltizam memastikan struktur sistem pendidikan Malaysia selari dengan amalan sistem pendidikan berprestasi tinggi. Kementerian akan memberi tumpuan pada menyusun semula struktur setiap peringkat pendidikan jika perlu. Pendidikan peringkat prasekolah khususnya akan ditingkatkan mengikut gelombang pelaksanaan untuk memastikan enrolmen menyeluruh di peringkat prasekolah dan peluang permulaan dalam pendidikan yang sama untuk semua kanak-kanak.

Secara perbandingan, peringkat pendidikan yang lain sudah disusun semula selari dengan sistem pendidikan yang serupa di negara lain, dari segi jumlah tahun persekolahan dan jumlah jam persekolahan. Maka, tumpuan akan diberikan kepada usaha meningkatkan lagi enrolmen yang sudah pun berada pada tahap yang tinggi. Objektif ini akan dicapai melalui pendekatan yang lebih terancang bagi membantu kanak-kanak yang tidak berdaftar di sekolah rendah dan murid yang paling berisiko tercicir daripada sistem persekolahan (pada peringkat rendah atau menengah). Selaras dengan aspirasi sistem pendidikan yang dijelaskan dalam Bab 2, enrolmen menyeluruh pada semua peringkat pendidikan prasekolah, rendah, menengah rendah dan menengah atas dijangka akan dicapai menjelang 2020.

Gelombang 1 (2013 - 2015): Memperluas segera prasekolah dan meningkatkan enrolmen pada peringkat pendidikan yang lain

Gelombang 1 akan memberikan tumpuan kepada perluasan segera pendidikan prasekolah. Berdasarkan peningkatan enrolmen prasekolah akhir-akhir ini, sasarannya adalah untuk mencapai akses yang hampir menyeluruh. Kementerian juga akan memberi tumpuan kepada usaha bagi meningkatkan enrolmen pada peringkat pendidikan yang lain.

Meningkatkan enrolmen dan menambah baik kualiti prasekolah

Kementerian akan memberikan tumpuan kepada usaha meningkatkan enrolmen dan menambah baik kualiti prasekolah secara serentak dalam Gelombang 1. Walaupun pendidikan prasekolah tidak akan diwajibkan, Kementerian akan mengurangkan halangan kepada akses bagi menggalakkan enrolmen dan kehadiran. Usaha ini termasuk meningkatkan kesedaran dalam kalangan ibu bapa tentang manfaat pendidikan prasekolah dan memberi bantuan kewangan kepada keluarga berpendapatan rendah. Pendapatan minimum bagi mendapatkan bantuan yuran juga akan disemak bagi menyokong usaha meningkatkan kehadiran murid. Langkah seperti ini adalah amat berkesan bagi meningkat enrolmen seperti yang dibuktikan oleh sistem pendidikan berprestasi tinggi lain, seperti Singapura dan Finland, yang berjaya mencapai tahap enrolmen yang hampir menyeluruh di peringkat prasekolah (Ekshibit 7-3).

Selari dengan inisiatif prasekolah NKRA sedia ada yang bertujuan untuk meningkatkan enrolmen, Kementerian juga akan bekerjasama dengan sektor swasta termasuk pertubuhan bukan kerajaan dan pertubuhan lain bagi memastikan terdapat tempat yang mencukupi untuk menampung peningkatan permintaan. Sektor swasta diharap dapat membantu dalam pencapaian sasaran enrolmen, dengan 70% daripada prasekolah baharu dijangka akan dikendalikan oleh pihak swasta. Menjelang 2020, 50% pusat pendidikan prasekolah akan diusahakan oleh sektor swasta. Bagi menyokong pertumbuhan prasekolah swasta, Kementerian akan meningkatkan kadar bantuan yuran, geran pelancaran dan pinjaman keutamaan untuk penubuhan dan peluasan pusat prasekolah. Kementerian akan menyemak semula keperluan pendaftaran bagi membolehkan pusat yang menyediakan kedua-dua perkhidmatan prasekolah dan penjagaan kanak-kanak untuk berdaftar di bawah Kementerian. Selain itu, Kementerian akan meneliti untuk mentransisi program PERMATA daripada Jabatan Perdana Menteri kepada Kementerian Pendidikan.

Kementerian juga menyedari cabaran yang dihadapi dalam mengekalkan dan meningkatkan kualiti prasekolah sepanjang tempoh peluasan ini. Untuk prasekolah awam, Kementerian akan menyemak geran per kapita bagi membolehkan prasekolah menawarkan pelbagai aktiviti sukan dan kokurikulum untuk pengayaan murid. Garis panduan juga akan dikeluarkan bagi membantu prasekolah awam merancang aktiviti sukan dan kokurikulum yang bersesuaian untuk murid. Kementerian juga akan mengkaji semula geran makanan untuk memastikan murid mendapat makanan berkhasiat sewajarnya bagi membantu perkembangan kognitif semasa tempoh kritikal tumbesaran kanak-kanak. Inisiatif ini dilaksanakan pada pertengahan 2013.

EKSHIBIT 7-3

Dasar pendidikan wajib dan kadar enrolmen mengikut sistem pendidikan

Peratus enrolmen



1 Massachusetts menyediakan pendidikan wajib hingga Gred 10 dan bukan 12

SUMBER: Kementerian Pelajaran Malaysia; Kementerian Pelajaran Singapura; Kementerian Pelajaran & Kebudayaan Finland; Jabatan Pendidikan United Kingdom; Jabatan Pendidikan Rendah dan Menengah Massachussetts

Bagi memastikan prasekolah swasta memenuhi standard kualiti kebangsaan, Kerajaan telah menubuhkan Majlis Pengasuhan dan Pendidikan Awal Kanak-kanak (ECCE) pada 2011 yang berperanan sebagai badan yang bertanggungjawab meningkatkan tahap profesional ECCE swasta. Melalui kerjasama dengan Majlis ECCE, Kementerian juga akan melaksanakan mekanisma standard kualiti dan penaziran bagi pusat ECCE untuk menyelaraskan keperluan kelayakan dalam sektor tersebut. Menjelang 2015, 100% prasekolah Kerajaan dan 50% prasekolah swasta akan melalui proses penaziran, masing-masing oleh Kerajaan dan Majlis ECCE.

Kementerian sangat menggalakkan prasekolah swasta mendaftar dengan JPN. Sasaran 92% enrolmen hanya mengambil kira prasekolah yang berdaftar dengan JPN. Semua prasekolah perlu mematuhi Kurikulum Prasekolah Kebangsaan.

Kementerian akan bekerjasama dengan Agensi Kelayakan Malaysia (MQA) dan badan kerajaan yang lain bagi memastikan guru mempunyai akses kepada peluang pendidikan dan latihan yang bersesuaian. Kementerian juga akan menyediakan bantuan subsidi kepada guru sedia ada yang tidak mempunyai Diploma Pendidikan Awal Kanak-Kanak untuk meningkatkan kelayakan mereka bagi memenuhi standard. Menjelang 2015, 30% guru prasekolah dijangka mempunyai kelayakan minimum diploma.

Mengekalkan umur permulaan pendidikan formal

Kemasukan ke sekolah rendah pada umur 6+ tahun akan diteruskan bagi menandakan permulaan pendidikan formal di Malaysia. Seperti yang dinyatakan pada awal bab ini, umur permulaan ini adalah selari dengan amalan kebanyakan sistem pendidikan berprestasi tinggi. Pengekalan dasar ini penting bagi memberi kanak-kanak masa yang mencukupi untuk mengembangkan potensi intelek, rohani, emosi, dan jasmani mereka sebelum memasuki sekolah rendah.

Meningkatkan enrolmen pendidikan rendah

Walaupun enrolmen di peringkat sekolah rendah hampir menyeluruh, masih terdapat 5% kelompok kanak-kanak yang tidak berdaftar dan mereka perlu digalakkan untuk berbuat demikian. Murid yang berisiko tercicir daripada pendidikan rendah juga perlu dibantu supaya mereka terus bersekolah. Kementerian akan mengambil langkah khusus bagi dua kumpulan murid ini, terutamanya mereka yang berkeperluan khusus seperti anak Orang Asli, Penan dan komuniti peribumi lain, serta murid yang berkeperluan khas. Menjelang 2015, dijangka 98% daripada populasi yang berkaitan akan berdaftar di sekolah rendah awam.

Mewajibkan pendidikan menengah untuk semua

Kementerian akan mewajibkan pendidikan peringkat menengah rendah dan menengah atas menjelang 2015. Langkah ini akan menjadikan sistem pendidikan Malaysia selari dengan standard tempoh pendidikan wajib antarabangsa (Ekshibit 7-4). Langkah ini juga menandakan kesungguhan hasrat Kementerian untuk meningkatkan enrolmen pada peringkat menengah rendah dan menengah atas.

Sama seperti pendidikan rendah, Kementerian akan mengambil langkah khusus bagi menggalakkan peningkatan enrolmen menjelang 2015. Langkah ini termasuk mensasarkan murid yang tercicir semasa transisi antara peringkat sekolah rendah dengan menengah, dan juga murid sekolah menengah rendah yang berisiko tercicir. Sebagai contoh, 70% tempat di Sekolah Berasrama Penuh (SBP) akan disediakan untuk murid miskin bagi membolehkan mereka mendapat akses kepada pendidikan yang lebih berkualiti. Menjelang 2015, enrolmen menengah rendah di sekolah awam dijangka mencapai 95% populasi yang berkaitan, manakala enrolmen menengah atas akan mencapai tahap 90%.

EKSHIBIT 7-4

Perbandingan antara negara berkaitan tahun wajib persekolahan



SUMBER: Kementerian Pelajaran Malaysia; Kementerian Pelajaran Singapura; Biro Pendidikan Hong Kong; Kementerian Pelajaran & Kebudayaan Finland; Jabatan Pendidikan United Kingdom Jabatan Pendidikan Rendah dan Menengah Massachussetts; Kementerian Pendidikan Ontario

Mengekalkan tempoh pendidikan formal sedia ada

Kementerian akan mengekalkan tempoh persekolahan antara 12 hingga 13 tahun bagi pendidikan formal. Langkah ini akan memberi masa kepada murid di Malaysia untuk berkembang secara menyeluruh dan memilih jenis program lepas menengah yang ingin diikuti.

Gelombang 2 (2016 - 2020): Menyatukan manfaat

Gelombang 2 akan memberi tumpuan kepada peningkatan kejayaan yang dicapai dalam fasa sebelum ini. Bagi membolehkan kejayaan seterusnya dicapai dalam enrolmen dan akses, Kementerian akan terus menyesuaikan geran dan bentuk bantuan lain untuk menyediakan tahap bantuan yang bersesuaian secara cekap dan berkesan. Contohnya, langkah ini mungkin memerlukan penyesuaian syarat minimum kelayakan mendapat bantuan kewangan.

Bagi ECCE, tumpuan akan diberikan kepada usaha menambah baik standard prasekolah secara berterusan. Langkah ini termasuk melakukan penaziran di semua prasekolah dan memastikan 100% guru prasekolah mempunyai kelayakan minimum diploma. Kementerian juga akan meneroka kemungkinan meningkatkan standard program ECCE yang lain seperti asuhan kanak-kanak.

Seperti yang diperincikan dalam Bab 4, Kementerian akan merintis tiga program bagi murid berpencapaian tinggi dalam Gelombang 2 (lazimnya, 15% daripada populasi murid berpencapaian teratas) dan murid pintar cerdas (1% daripada populasi murid). Program ini melibatkan penempatan 15% murid berpencapaian tinggi dalam kelas pintas bagi membolehkan mereka menamatkan pendidikan menengah rendah dan menengah atas dalam tempoh empat tahun dan bukannya lima tahun, seperti yang diamalkan dalam aliran perdana. Dengan adanya inovasi ini, murid akan mempunyai lebih banyak pilihan untuk menyesuaikan tempoh pendidikan dengan keperluan masing-masing.

Gelombang 3 (2021 - 2025): Memastikan akses sejagat

Menjelang 2021, sistem pendidikan Malaysia dijangka dapat mencapai tahap enrolmen 100% bagi pendidikan peringkat prasekolah, rendah, menengah rendah dan menengah atas di sekolah awam atau swasta.

Bagi ECCE, Kementerian akan meningkatkan kualiti program pendidikan tersebut secara berterusan. Langkah yang mungkin diambil termasuk usaha menambah baik laluan kerjaya untuk guru prasekolah dan memperkenalkan inovasi berteraskan ICT untuk digunakan dalam bilik darjah bagi membantu perkembangan murid.

Seperti yang dibincangkan secara terperinci dalam Bab 4, Kementerian akan melaksanakan beberapa program rintis untuk murid berpencapaian tinggi dan murid pintar cerdas dalam Gelombang 2. Dalam Gelombang 3 pula, Kementerian akan memperkemas program rintis ini dan melaksanakannya sebagai program pendidikan nasional melibatkan semua sekolah di seluruh negara.

LALUAN PENDIDIKAN

Kementerian akan memastikan sistem pendidikan mempunyai laluan yang jelas, sesuai dengan minat dan kebolehan murid yang berbeza. Laluan ini mudah dicapai dan menarik serta memberi ruang untuk mengembangkan kemahiran dan pengetahuan yang diperlukan bagi mempersiapkan murid untuk profesion pilihan. Kementerian akan memberi tumpuan, terutamanya kepada mengukuhkan laluan pendidikan sedia ada untuk menjadikannya pilihan yang lebih menarik untuk murid.

Langkah yang akan diambil termasuk:

- Meningkatkan kesedaran murid tentang laluan pendidikan dan pilihan kerjaya yang ada;
- Mempertingkat Pelan Transformasi Pendidikan Vokasional termasuk melalui kerjasama yang lebih banyak dengan sektor awam dan swasta;
- Meningkatkan kualiti dan menambah bilangan tempat di sekolah agama; dan
- Memastikan pilihan laluan lepas menengah kekal menarik.

Kementerian menyedari kepelbagaian minat dan kebolehan murid, dan bercadang membantu membangunkan potensi mereka. Perkara ini memerlukan akses kepada pilihan laluan yang menarik dan berdaya maju untuk kemajuan setiap murid. Sistem pendidikan menengah sedia ada menyediakan peluang kepada murid untuk memilih laluan pada pelbagai peringkat persekolahan menengah. Antara laluan yang ditawarkan adalah bidang akademik, teknikal, vokasional, agama, sukan dan kesenian.

Laluan pendidikan dan pilihan kerjaya

Walaupun wujud banyak pilihan, murid dan ibu bapa telah menyuarakan kebimbangan tentang kesukaran mengakses maklumat terkini berkaitan kepelbagaian laluan pendidikan yang ditawarkan dan peluang kerjaya berkaitan laluan yang dipilih. Dalam banyak hal, mereka juga kurang jelas tentang jenis kemahiran, kompetensi dan latihan yang diperlukan untuk berjaya dalam pelbagai kerjaya. Akibatnya, murid sukar membuat pilihan bermaklumat tentang laluan pendidikan mereka.

Laluan pendidikan vokasional

Pendidikan vokasional mempersiapkan murid untuk kerjaya yang memerlukan kepakaran teknikal yang khusus. Berbeza dengan aliran teknikal yang mempersiapkan murid untuk pendidikan lanjutan, aliran vokasional lebih berorientasikan kerjaya. Beberapa tahun kebelakangan ini, terdapat kemerosotan bilangan murid yang berdaftar di sekolah menengah vokasional disebabkan kekurangan bilangan murid yang memohon masuk ke sekolah berkenaan.

Walau bagaimanapun, permintaan industri untuk lulusan vokasional adalah tinggi dan akan terus meningkat. Pada 2008, Kementerian Sumber Manusia melaporkan terdapat kekurangan sumber tenaga kerja mahir, iaitu melebihi 700,000 orang dalam industri pembuatan, pertanian dan pembinaan. Permintaan untuk sumber tenaga mahir pada masa depan akan terus meningkat. Menjelang 2020, daripada 3.3 juta peluang pekerjaan yang diwujudkan bawah NKEA, sekurang-kurangnya 46% memerlukan kelayakan sijil vokasional atau diploma, berbanding 22% yang memerlukan kelayakan ijazah pertama (Ekshibit 7-5). Bagi merapatkan jurang permintaan ini, terdapat keperluan untuk menyediakan 50,000 tempat tambahan dalam pendidikan vokasional setiap tahun. Disebabkan majoriti kursus vokasional melibatkan Sains, Teknologi, Kejuruteraan dan Matematik (STEM), pendidikan vokasional juga akan menjadi kritikal bagi memenuhi dasar 60:40 Sains:Sastera dalam memenuhi keperluan tenaga kerja ekonomi Malaysia.

EKSHIBIT 7-5

Pekerjaan baharu bawah Program Transformasi Ekonomi, berdasarkan kelayakan yang diperlukan



SUMBER: Program Transformasi Ekonomi 2010

Selain menangani cabaran permintaan, terdapat juga cabaran yang dikaitkan dengan jaminan kualiti dalam pendidikan vokasional. Kekurangan tenaga pengajar berkelayakan dan kurikulum yang diiktiraf industri, kerjasama yang lemah dengan industri dan latihan di tempat kerja (OJT) yang terhad, menyebabkan lepasan pendidikan vokasional tidak mempunyai kemahiran yang mencukupi untuk memenuhi keperluan industri. Temu bual bersama-sama ibu bapa dan murid juga mendapati bahawa terdapat kurangnya kesedaran dalam kalangan mereka tentang laluan pendidikan vokasional dan peluang kerjaya seterusnya.

Dalam usaha menangani kebimbangan ini, Kementerian mewujudkan Pelan Transformasi Pendidikan Vokasional bagi mengukuhkan latihan untuk lulusan berkemahiran. Sebagai sebahagian daripada pelan ini, Kementerian telah memperluas pendidikan vokasional bermula pada peringkat menengah rendah melalui program Pendidikan Asas Vokasional (PAV) dan mengukuhkan laluan sedia ada pada peringkat menengah atas melalui program Kolej Vokasional (KV). Di bawah Pelan Pendidikan Transformasi Vokasional, Kementerian menjangkakan 10% daripada setiap kohort menengah atas terdiri daripada murid vokasional menjelang 2015. Peratusan ini dijangka akan meningkat kepada 20% menjelang 2020. Pada masa pelan ini dilaksanakan, maklum balas awal yang diterima daripada murid, ibu bapa dan industri berkenaan Pelan Pendidikan Transformasi Vokasional adalah positif.

Laluan pendidikan teknikal

Pendidikan teknikal menyediakan murid untuk meneruskan pengajian dan kerjaya di dalam bidang-bidang kejuruteraan dan profesional. Namun, pendidikan teknikal diiktiraf sebagai sebahagian daripada laluan akademik dan biasanya memerlukan asas akademik yang kukuh bagi membolehkan murid melanjutkan pelajaran ke peringkat tinggi. Selain mengambil mata pelajaran akademik yang sama seperti murid dalam aliran perdana, murid aliran teknikal boleh memilih daripada set mata pelajaran elektif teknikal yang merangkumi bidang kejuruteraan awam, sains pertanian, prinsip perakaunan dan lain-lain. Kementerian juga bekerjasama dengan rakan kongsi sektor swasta bagi meningkatkan pengiktirafan industri terhadap pendidikan teknikal. Sebagai contoh, murid yang mengikuti bidang perakaunan akan menerima akreditasi separa *Association of Chartered Certified Accountants* (ACCA) untuk kelayakan profesional ACCA. Pada masa ini terdapat lebih 20,000 murid berdaftar di sekolah teknik, iaitu kurang 1% jumlah murid sekolah menengah.

Laluan pendidikan agama

Pelbagai pilihan tersedia untuk pendidikan agama Islam di Malaysia (Ekshibit 7-6). Pada masa ini, terdapat lebih 90,000 murid berdaftar di sekolah agama awam yang merupakan 2% daripada jumlah enrolmen di sekolah rendah dan menengah. Sekolah agama awam terdiri daripada Sekolah Agama Kerajaan yang berada di bawah kawalan Kementerian, Sekolah Agama Negeri (SAN) yang berada di bawah kawalan pihak berkuasa agama negeri dan Sekolah Agama Bantuan Kerajaan (SABK) yang dikawal bersama-sama oleh Kementerian dan pihak berkuasa agama negeri atau lembaga pengelola sekolah. Semua Sekolah Agama Kerajaan melaksanakan kurikulum kebangsaan manakala SAN dan SABK melaksanakan kurikulum Dini dan kurikulum kebangsaan.

Di samping itu, terdapat kira-kira 350 sekolah agama swasta (1% daripada jumlah enrolmen di sekolah rendah dan menengah). Sekolah ini boleh memilih sama ada melaksanakan kurikulum kebangsaan atau tidak. Kebanyakan sekolah ini kecil, terletak di luar bandar dan kekurangan sumber (sekolah agama rakyat dan sekolah agama persendirian). Walau bagaimanapun, bilangan sekolah agama swasta di bandar semakin meningkat dan hampir menyerupai sekolah antarabangsa.

EKSHIBIT 7-6

Pilihan Pendidikan Islam di Malaysia

✓ Betul ✓ Dalam peralihan

	Pilihan	Pendaftaran: Kerajaan Persekutuan	Pendaftaran: Kerajaan Negeri	Pembiayaan Kerajaan	Kurikulum kebangsaan
Sekolah awam[1]	Sekolah Agama bawah Kementerian (SMKA, SMAP, KISAS, SBPI, SMK, SR(KAA))	✓		✓	✓
	Sekolah Agama Negeri (SAN)		✓	✓	✓
	Sekolah Agama Bantuan Kerajaan (SABK)[2]	✓	✓	✓	✓
Sekolah swasta	Sekolah Agama Rakyat (SAR)		✓	✓	✓
	Sekolah Agama Rakyat Persendirian (SAP)[3]		✓	✓	
	Sekolah Agama Swasta (SAS)	✓	✓		✓

1 Tidak termasuk pilihan untuk pengajaran Islam di sekolah kerajaan (SK, SRK dan SMK)
2 SABK merupakan sekolah yang berdaftar dengan Kementerian dan menerima bantuan kerajaan serta menggunakan kurikulum kebangsaan
3 Sekolah agama persendirian adalah sekolah yang ditubuhkan oleh orang perseorangan dan melaksanakan kurikulum agama sepenuhnya.
SUMBER: Bahagian Pendidikan Islam

Semakin ramai ibu bapa berminat menghantar anak mereka ke sekolah menengah agama awam, terutama sekali SMKA seperti yang terbukti dengan kedudukan SMKA sebagai satu daripada pilihan persekolahan paling digemari dalam sistem pendidikan Malaysia. Namun, 80% permohonan kemasukan ditolak akibat kekurangan tempat.

Bagi menampung permintaan tersebut, Kementerian telah memperkenalkan program pendaftaran SAN dan SAR sebagai SABK serta mewujudkan Kelas Aliran Agama (KAA) di sekolah menengah kebangsaan. Sehingga kini, jumlah SAN dan SAR yang telah berdaftar sebagai SABK ialah 195 sekolah, manakala sekolah yang melaksanakan KAA berjumlah 547 sekolah. Proses pendaftaran SAR dan SAN sebagai SABK serta pewujudan KAA diteruskan bagi menampung permintaan yang semakin meningkat.

Pelan Transformasi Pendidikan Vokasional

Kementerian telah membangunkan Pelan Transformasi Vokasional (Ekshibit 7-7) bagi mengukuhkan latihan lulusan berkemahiran. Pelan ini mengandungi dua komponen seperti yang berikut:

Pendidikan Asas Vokasional (PAV)

Pada 2012, Kementerian Pendidikan telah merintis laluan alternatif untuk pendidikan vokasional pada peringkat menengah rendah (usia 13-15 tahun) di 15 sekolah. Program ini membolehkan murid mendapat sijil asas vokasional: sehingga tahap 2 Sijil Kemahiran Malaysia (SKM) pada usia yang lebih muda, iaitu 15 tahun berbanding 17 tahun sebelum ini. Kemasukan pada usia yang lebih muda adalah selari dengan sistem global lain seperti di Austria dan Jerman, yang dianggap mempunyai sistem pendidikan vokasional yang mantap. Kementerian sedang memperkenalkan kurikulum gabungan yang baharu, iaitu 70% latihan kemahiran vokasional dan 30% pendidikan akademik. Pelaksanaan sepenuhnya bermula pada 2013.

Kolej Vokasional (KV)

Kementerian juga sedang menambah baik program pendidikan vokasional menengah atas sedia ada dengan mentransformasikan Sekolah Menengah Vokasional (SMV) menjadi Kolej Vokasional (KV). Kolej ini menawarkan kurikulum yang disusun semula dan pada peringkat sijil dan diploma yang diakreditasi iaitu Diploma Vokasional Malaysia (DVM). Sijil dan diploma ini diiktiraf untuk mendapatkan kredit di bawah standard kebangsaan dan antarabangsa. Kurikulum diploma yang baharu ini mengandungi 70% latihan kemahiran praktikal dan 30% pendidikan akademik umum. Kurikulum ini juga melibatkan komponen latihan industri selama enam bulan. Pelbagai rakan kongsi industri dirujuk bagi memastikan keselarasan dengan standard dan amalan industri.

EKSHIBIT 7-7

Pelan Transformasi Pendidikan Vokasional



Laluan pendidikan sukan dan seni

Sekolah sukan dan sekolah seni peringkat menengah penting bagi memupuk dan mengembangkan bakat muda negara dan menjamin penjanaan atlet pelapis dan penggiat seni. Sekolah ini membantu perkembangan bakat atlet dan penggiat seni di peringkat antarabangsa dengan memastikan kemudahan yang mencukupi, jurulatih pembimbing pakar dan perkhidmatan penting lain. Pada masa ini, di Malaysia terdapat empat buah sekolah sukan Malaysia dan dua buah sekolah seni.

Di samping mengembangkan bakat sukan atau seni masing-masing, murid juga menerima pendidikan asas yang luas dengan mengikuti kurikulum dan menduduki peperiksaan yang sama seperti rakan sebaya mereka di sekolah lain. Tujuannya adalah untuk membangunkan potensi mereka secara menyeluruh.

Pendidikan khas

Seperti yang diperincikan dalam Bab 4, Kementerian menyedari kepentingan menyediakan pendidikan khas untuk kanak-kanak dengan keperluan pembelajaran khusus disebabkan oleh kelainan upaya. Walau bagaimanapun, program sedia ada menghadapi kekangan seperti kekurangan guru dan tenaga pakar khidmat sokongan berkelayakan, keterbatasan kurikulum dan pentaksiran, serta ketakcukupan kemudahan infrastruktur dan perkhidmatan sokongan.

Pendidikan untuk murid pintar cerdas

Seperti yang dibincangkan dalam Bab 4 berkaitan pembelajaran murid, Kerajaan telah melaksanakan beberapa program pendidikan untuk murid pintar cerdas seperti PERMATApintar. Meskipun, sumber awam untuk pendidikan pintar cerdas masih terhad namun terdapat peluang untuk meningkatkannya.

Pilihan pendidikan lepas menengah

Kementerian beriltizam memastikan semua murid dalam pendidikan lepas menengah menerima kelayakan yang memenuhi standard antarabangsa. Pada masa ini, murid yang lulus SPM mempunyai beberapa pilihan lepas menengah seperti tingkatan enam, program pra-universiti, matrikulasi, program persediaan, atau program lain yang disediakan oleh sektor swasta.

Kementerian turut menyediakan pelbagai pilihan, antaranya, STPM dan STAM yang ditawarkan di sekolah terpilih melalui program tingkatan enam yang diiktiraf oleh banyak universiti luar negara. Program matrikulasi, ditawarkan melalui program satu atau dua tahun di kolej matrikulasi yang memberi tumpuan kepada sains, matematik, perakaunan dan pendidikan teknikal. Pada masa ini, program matrikulasi diterima untuk kemasukan ke universiti awam dalam negara dan universiti tertentu di luar negara.

Pilihan pendidikan sektor swasta

Sektor swasta menyediakan pelbagai pilihan untuk ibu bapa. Kadar pertumbuhan enrolmen pendidikan swasta adalah lebih tinggi berbanding sektor awam, walaupun sektor awam adalah 40 kali lebih besar berbanding sektor swasta. (Ekshibit 7-8).

Perkembangan terkini seperti kelonggaran syarat bagi enrolmen di sekolah antarabangsa untuk murid tempatan dijangka akan melonjakkan pertambahan enrolmen murid tempatan dalam sektor swasta. Antara program yang paling diminati oleh murid adalah Diploma IB, A-Level, *South Australian Matriculation, American Degree Programmme dan Canadian Pre-University*.

EKSHIBIT 7-8

Kadar peningkatan enrolmen di sekolah swasta mengikut jenis
Peratus (2007 – 2011)



1 Sekolah menengah dan rendah swasta yang mengikuti kurikulum kebangsaan
SUMBER: Perangkaan Pendidikan Malaysia

Pelan Tindakan: Mewujudkan laluan pendidikan yang pelbagai

Kementerian akan memastikan sistem pendidikan menyediakan pelbagai laluan pendidikan bagi memenuhi minat dan kebolehan murid. Laluan ini dijangka akan lebih berdaya maju dan menarik, justeru memberi peluang pembelajaran bermakna khusus untuk mengembangkan kemahiran dan ilmu pengetahuan yang diperlukan.

Di samping itu, setiap laluan pendidikan akan disepadukan dengan keperluan pasaran buruh bagi menyediakan murid dengan laluan yang jelas dan terarah kepada bidang kerjaya pilihan mereka. Laluan ini juga inklusif dan memberi akses kepada semua murid, termasuk murid berkeperluan khas.

Gelombang 1 (2013-2015): Mengukuhkan laluan pendidikan

Usaha membangunkan laluan vokasional menjadi keutamaan. Kementerian menyedari bahawa usaha yang lebih besar perlu diambil bagi merombak laluan vokasional sedia ada. Kementerian memanfaatkan sumber tambahan dalam Pelan Transformasi Pendidikan Vokasional bagi memastikan pelan ini dapat mencapai aspirasi negara. Kementerian juga akan mula membangunkan dan merintis intervensi untuk laluan pendidikan bagi membantu penambahbaikan dalam bidang seperti pendidikan agama dan pendidikan untuk kumpulan berkeperluan khusus.

Meningkatkan kesedaran awam dan mengupaya murid dan ibu bapa membuat pilihan bermaklumat

Guru kaunseling dan bimbingan boleh membantu murid merancang laluan pendidikan dan seterusnya memilih hala tuju kerjaya.Walau bagaimanapun, peranan ini kurang diberi keutamaan berbanding

Pilihan pendidikan swasta dan pilihan pendidikan lain di Malaysia

Pada 2011, kira-kira 3% atau 145,000 murid berumur antara 7 hingga 17 tahun berdaftar di sekolah swasta dan pilihan pendidikan lain.

Pilihan pendidikan swasta

Sekolah Swasta. Kategori ini merujuk kepada 130 sekolah rendah dan menengah yang melaksanakan kurikulum kebangsaan untuk mengajar sekurang-kurangnya enam mata pelajaran teras seperti yang diperincikan dalam Akta Pendidikan 1996. Bahagian Pendidikan Swasta, di Kementerian mengawal sekolah swasta untuk memastikan pematuhan kepada Falsafah Pendidikan Kebangsaan dan penyampaian pendidikan selaras dengan aspirasi negara. Sekolah ini juga lebih cenderung untuk menawarkan aktiviti pengayaan seperti drama, muzik, seni dan bahasa asing. Sebanyak 18% murid Malaysia yang belajar di sekolah swasta berdaftar dalam kategori sekolah ini dan menjadikan kategori ini kedua terbesar dalam pasaran pendidikan.

Sekolah Antarabangsa. Sekolah rendah dan menengah antarabangsa menggunakan kurikulum antarabangsa seperti British, Amerika Syarikat, Australia, Kanada atau program International Baccalaureate. Tidak seperti kategori sekolah swasta yang lain, sekolah antarabangsa menggunakan tenaga pengajar yang sebahagian besarnya daripada luar negara. Data berkaitan enrolmen sehingga 30 Jun 2011 menunjukkan bahawa 18% daripada murid Malaysia dalam pendidikan swasta berdaftar dengan sekolah antarabangsa di seluruh negara. Kementerian akan memastikan murid warganegara Malaysia yang berdaftar di sekolah antarabangsa dipupuk dengan identiti nasional, contohnya melalui pengajaran wajib Bahasa Malaysia. Sekolah antarabangsa juga merupakan antara subsektor yang dikenal pasti di bawah Bidang Ekonomi Utama Negara (NKEA) bagi memacu pertumbuhan ekonomi negara.

Sekolah Agama. Sebanyak 14% murid sekolah swasta berdaftar dalam kategori ini, dan terdapat lebih 350 sekolah agama swasta di seluruh negara pada 2011. Sekolah ini boleh memilih untuk melaksanakan kurikulum kebangsaan atau tidak. Terdapat tiga jenis sekolah agama swasta iaitu Sekolah Agama Rakyat, Sekolah Agama Persendirian dan Sekolah Agama Swasta. Sekolah Agama Rakyat dan Sekolah Agama Persendirian menjadi pilihan ibu bapa berbanding Sekolah Agama Swasta kerana yuran pengajian di kebanyakan sekolah ini lazimnya rendah dan tidak membebankan.

Pilihan pendidikan lain

Sekolah Persendirian Cina. Sekolah Persendirian Cina membentuk kategori terbesar bagi pilihan pendidikan lain di Malaysia, dengan kira-kira 66,700 murid berdaftar di 60 sekolah. Setiap sekolah diuruskan oleh Lembaga Pemegang Amanah yang dilantik secara bebas dan berkerjasma dengan kepimpinan sekolah untuk mengurus sekolah yang dibiayai melalui yuran murid dan sumbangan penderma. Sekolah ini menggunakan bahasa Cina sebagai bahasa pengantar utama dan melaksanakan kurikulum yang digubal oleh Dong Jiao Zong serta ditanda aras dengan sistem pendidikan seperti yang diamalkan di Taiwan dan England. Sekolah ini mempersiapkan murid untuk menduduki peperiksaan standard dikenali sebagai Sijil Peperiksaan Bersatu (pada Tahun 6 di sekolah menengah). Walau bagaimanapun, pada masa yang sama banyak sekolah juga mempersiapkan murid mereka untuk peperiksaan SPM.

peranan lain yang mungkin dimainkan oleh guru seperti menguatkuasakan disiplin dan mengajar mata pelajaran lain. Oleh yang demikian, guru selalunya kurang bersedia untuk memainkan peranan sebagai pembimbing murid.

Pada masa depan, Kementerian akan meningkatkan keutamaan dalam bidang kaunseling kerjaya di samping peranan lain yang dimainkan oleh guru kaunseling dan bimbingan. Tumpuan akan diberikan terhadap pengukuhan program kaunseling yang bertujuan untuk membimbing murid tentang laluan akademik dan kerjaya. Menjelang penghujung 2013, Kementerian akan memasukkan perkhidmatan bimbingan dan kaunseling dalam jadual waktu sekolah menengah. Kementerian juga akan melatih semua guru kaunseling dan bimbingan bagi memastikan mereka mempunyai ilmu pengetahuan dan kemudahan untuk membimbing murid dengan berkesan termasuk murid berkeperluan khas.

Menjelang 2015, sebanyak 35% murid sekolah menengah rendah akan membangunkan laluan pendidikan dan profil kerjaya masing-masing. Profil ini akan merekodkan minat, sejarah akademik dan pencapaian lain setiap murid bertujuan membantu murid membuat pilihan penting berkenaan pendidikan masing-masing pada peringkat menengah rendah.

Kementerian juga akan mengeluarkan buku panduan yang lengkap tentang laluan akademik dan kerjaya. Buku ini akan digunakan oleh murid, ibu bapa, dan kaunselor sekolah untuk membimbing dan membantu murid membuat keputusan dan pilihan laluan akademik dan kerjaya bermula dari Tahun 6 hingga ke peringkat seterusnya. Buku panduan ini akan diterbit dan diagihkan menjelang akhir 2013.

Meningkatkan akses kepada program vokasional

Kementerian sedang memperluaskan akses kepada program vokasional dalam sistem pendidikan kebangsaan. Pada akhir 2013, Kementerian menjangkakan peluasan PAV yang dirintis selesai dilaksanakan di peringkat menengah rendah, dan kurikulum yang menggabungkan 70% kemahiran vokasional dengan 30% akademik, dapat dilaksanakan. Kementerian juga akan melaksanakan transformasi SMV sedia ada kepada KV yang menawarkan kurikulum baharu dan menganugerahkan DVM. Transformasi ini dijangka selesai pada akhir Gelombang 1.

Selaras dengan NKEA, Kementerian akan terus bekerjasama dengan sektor swasta bagi menyediakan penyelesaian berkesan kos untuk pendidikan vokasional. Kementerian telah mula menjalankan program pembelian tempat pengajian di institusi vokasional swasta. Perkongsian Kementerian dengan institusi swasta akan meningkatkan bilangan penawaran tempat dan kepelbagaian kursus dengan cepat bagi memenuhi permintaan yang semakin meningkat dengan cara yang lebih berkesan kos.

Bagi menjamin kualiti, institusi vokasional swasta perlu memenuhi kriteria yang ketat. Antara kriteria tersebut termasuk pengalaman terdahulu dalam penyediaan kursus sasaran yang tidak ditawarkan dalam sistem pendidikan kebangsaan seperti penyelenggaraan pesawat dan bidang mekatronik. institusi vokasional swasta juga dikehendaki memberi jaminan untuk menyediakan komponen latihan praktikal. Kementerian akan melantik penyedia swasta, dengan perjanjian permulaan bagi menempatkan sekumpulan murid untuk belajar di institusi swasta. Sasaran akan ditetapkan bagi bilangan perjanjian yang dimeterai setiap tahun.

Menjadikan latihan vokasional lebih relevan kepada industri

Bagi memenuhi keperluan tenaga kerja dengan lebih baik dan meningkatkan kebolehpasaran lulusan vokasional, Kementerian berhasrat untuk memperlengkapkan murid dengan kemahiran yang selaras dengan keperluan industri. Pertama, Kementerian telah berkerjasama dengan rakan industri bagi membangunkan kurikulum baharu dan melatih guru vokasional. Kedua, Kementerian akan menaik taraf peralatan dan kelengkapan setara dengan amalan industri terkini. Ketiga, latihan vokasional akan dirombak untuk menekankan pedagogi praktikal di KV.

Memudah cara penerimaan dan pengesahan pendidikan dan latihan vokasional oleh industri

Kementerian dengan kerjasama agensi kerajaan dan industri yang relevan akan menubuhkan Majlis Pembangunan Pendidikan dan Latihan Vokasional Nasional (MPPLVN). Langkah ini akan membolehkan industri memainkan peranan lebih besar dalam pembangunan pendidikan vokasional dan pengesahan kemahiran. MPPLVN yang akan memanfaatkan bakat-bakat dalam pendidikan vokasional akan ditubuhkan menjelang akhir tahun 2014. Majlis seumpama ini wujud di dalam sistem pendidikan vokasional berprestasi tinggi seperti Majlis Kemahiran Industri di Australia dan Majlis Kemahiran Sektor di United Kingdom.

Objektif utama majlis ini adalah untuk mengetengahkan pembangunan kemahiran dan tenaga kerja bagi setiap industri yang relevan. Majlis ini terdiri daripada pihak industri, penyedia pendidikan vokasional awam dan swasta, dan agensi lain yang berkaitan dengan pembangunan kemahiran dan tenaga kerja seperti Kementerian Sumber Manusia dan Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC). Walaupun majlis kemahiran industri akan dibiaya sebahagiannya oleh Kerajaan, agenda mereka akan dipacu oleh industri.

Mengukuhkan laluan pendidikan agama

Kementerian beriltizam menyediakan pendidikan agama berkualiti tinggi bagi melengkapkan murid dengan ilmu pengetahuan dan kemahiran yang relevan untuk berjaya dalam pasaran kerja berasaskan nilai dan tasawur Islam yang kukuh. Kementerian akan memperkukuhkan pelaksanaan kurikulum kebangsaan di sekolah agama dengan mengangkat kurikulum Dini dan Tahfiz sebagai kurikulum kebangsaan serta menerapkan unsur-unsur agama ke dalam kurikulum kebangsaan. Selain daripada mata pelajaran yang wajib, iaitu Pendidikan Al-Quran dan Al-Sunnah, Pendidikan Syariah Islamiah dan Bahasa Arab, murid diberikan pilihan untuk mengikuti aliran sains, teknikal atau sastera. Murid juga akan diajar dengan mata pelajaran Kesusasteraan Arab pada masa depan.

Selain itu, Kementerian akan terus meningkatkan pengiktirafan antarabangsa bagi kelayakan pendidikan agama. STAM diiktiraf setara dengan STPM sebagai kelayakan lepas menengah dan diterima sebagai syarat kemasukan ke Universiti Al-Azhar dan universiti tempatan. Bagi meneruskan usaha ini, Kementerian akan memperluas penawaran STAM di sekolah agama lain seperti SMKA dan memasarkan STAM sebagai standard untuk pendidikan agama Islam lanjutan di seluruh Asia Tenggara.

Kementerian juga akan mengekalkan bantuan kepada SABK dan meneliti peluang untuk memberi pembiayaan kepada SABK seperti yang diberikan kepada SMKA. Di samping itu, Kementerian akan meneruskan usaha yang sedang dilaksanakan bagi meningkatkan standard sekolah agama persendirian dengan menawarkan bantuan dalam bentuk pembiayaan, kurikulum, latihan dan kakitangan. Kementerian akan meneruskan usaha untuk menggalakkan pendaftaran SAR dan SAN yang memenuhi kriteria pendaftaran.

Menyediakan bantuan untuk murid berkeperluan khas dan murid pintar cerdas

Seperti yang dinyatakan dengan terperinci dalam Bab 4, Kementerian akan memberikan tumpuan kepada usaha meningkatkan peluang pendidikan yang disesuaikan untuk murid berkeperluan khas serta murid pintar cerdas. Dalam Gelombang 1, tumpuan diberikan kepada usaha mengenal pasti tahap kompetensi murid berkeperluan khas supaya mereka dapat ditempatkan di sekolah pilihan yang bersesuaian, termasuk mengikuti kursus kemahiran vokasional. Kementerian juga akan menambah baik kualiti bantuan dan perkhidmatan sokongan yang disediakan untuk murid berkeperluan khas dengan menaik taraf infrastruktur di sekolah aliran perdana dan sekolah pendidikan khas, memantapkan latihan praperkhidmatan dan dalam perkhidmatan untuk guru pendidikan khas dan tenaga pakar khidmat sokongan, dan menyesuaikan kurikulum dan pentaksiran dengan kebolehan murid.

Selari dengan Bab 4, Kementerian akan menanda aras program pendidikan pintar cerdas sedia ada dengan program pendidikan pintar cerdas kebangsaan berprestasi tinggi bagi mengenal pasti bidang yang boleh dipertingkat dan mengguna pakai amalan terbaik daripada program tersebut. Kementerian juga akan mengembangkan lagi program pendidikan pintar cerdas melalui kerjasama dengan sektor swasta dan institusi penyelidikan terkemuka yang mengkhusus dalam pendidikan pintar cerdas.

Mentransformasi Tingkatan 6

Pada akhir 2013, Kementerian akan mentransformasi Tingkatan 6 bagi menggalakkan lebih ramai murid memilih program tersebut. Transformasi ini bertujuan untuk menganjak persekitaran pembelajaran daripada model lepas menengah kepada model prauniversiti. Usaha ini akan menjadikan kelayakan Tingkatan 6 setanding dengan program prauniversiti yang ditawarkan oleh institusi pendidikan swasta pada masa ini.

Sekolah yang menawarkan Tingkatan 6 akan diberi lebih kuasa membuat keputusan bagi memperkenalkan pelbagai inisiatif untuk mengupayakan murid menjadi lebih bersedia bagi kemasukan ke universiti. Sebagai contoh, antara inisiatif tersebut termasuk melonggarkan syarat pemakaian pakaian seragam sekolah untuk murid Tingkatan 6. Murid juga akan diberi lebih peluang untuk mengembangkan bakat kepimpinan dan kemahiran insaniah melalui pertambahan peranan dan pilihan aktiviti sukan, kokurikulum dan khidmat komuniti.

Gelombang 2 (2016 - 2020): Meningkatkan inisiatif

Dalam Gelombang 2, Kementerian akan meningkatkan usaha melaksanakan program yang menunjukkan kejayaan dalam Gelombang 1 dengan memperluaskan laluan sedia ada, seperti pendidikan vokasional dan pendidikan agama. Tumpuan juga diberikan kepada usaha meluaskan laluan bagi memenuhi keperluan murid pintar cerdas atau murid berkeperluan khas.

Memupuk kesedaran dan mengupaya murid dan ibu bapa membuat pilihan bermaklumat

Kementerian akan meneruskan usaha memastikan semua murid berupaya membuat keputusan bermaklumat berkaitan pendidikan dan kerjaya mereka. Menjelang 2018, semua murid menengah rendah akan disediakan dengan profil individu. Guru kaunseling dan bimbingan akan dilatih untuk memberi nasihat kepada murid yang memilih laluan berkaitan kepakaran, seperti sekolah sukan dan sekolah seni, dan menjadikan pilihan tersebut lebih menarik.

Kementerian juga akan mendapatkan lebih ramai kaunselor sekolah bagi memastikan murid menerima perhatian secukupnya. Menjelang akhir 2020, nisbah kaunselor sekolah berbanding murid sekolah menengah dapat dikurangkan daripada 1:430 kepada 1:350. Kementerian juga akan melancarkan kempen memupuk kesedaran tentang pelbagai laluan pendidikan, dan keluwesan laluan tersebut. Kempen ini akan dilaksanakan menerusi radio, televisyen, akhbar, portal dalam talian, jerayawara, dan saluran lain. Kempen ini akan dilaksanakan dari 2016 hingga akhir 2020.

Menjadikan pendidikan vokasional lebih relevan kepada industri

Kementerian akan meningkat dan menggiatkan kerjasama dengan rakan industri bagi menyediakan bantuan dalam pembangunan kurikulum dan latihan guru. Selain itu, Kementerian akan berkerjasama dengan rakan industri bagi menyediakan lebih banyak peluang praktikum kepada murid.

Dengan jangkaan pertumbuhan enrolmen vokasional, Pelan Transformasi Pendidikan Vokasional memerlukan lebih 220,000 tempat praktikum menjelang 2020. Kementerian akan meningkatkan kerjasama dengan rakan industri bagi menyediakan latihan sambil bekerja untuk murid, menggalakkan penyertaan rakan berpotensi dengan pemberian insentif, seperti pelepasan cukai dan keutamaan mengambil lulusan bekerja. Kerjasama ini akan menjadi formal melalui persetujuan antara Kementerian Pendidikan dan rakan kongsi industri. Kebanyakan KV akan menandatangani memorandum persefahaman (MOU) bersama industri pembekal utama dalam Gelombang 2.

Menjelang 2020, semua KV perlu menandatangani sekurang-kurangnya satu perjanjian dengan rakan industri. Di samping itu, Kementerian akan terus menambah bilangan persetujuan pelaksanaan dengan institusi latihan swasta bagi menambah bilangan tempat ditawarkan untuk murid dan memperluas spektrum kursus yang ditawarkan secara berkesan kos.

Usaha jangkauan rakan industri akan memberi fokus kepada industri pembekal terbaik bagi murid vokasional (Ekshibit 7-9). Masa pemprosesan bagi pemilihan rakan industri akan dikurangkan.

Memudahcara penerimaan dan pengesahan kemahiran oleh industri.

Majlis Kemahiran Industri yang diwujudkan akan menetapkan kompetensi dan kemahiran penting bagi pekerjaan vokasional utama menjelang akhir 2016. Selari dengan itu, Kementerian akan bekerjasama dengan Majlis untuk bersama-sama membangunkan pentaksiran standard bagi kelayakan pekerjaan yang diakreditasi oleh Majlis, misalnya, ujian standard bagi kelayakan pengurusan nurseri yang diakreditasikan oleh Majlis Kemahiran Pertanian. Kementerian berhasrat untuk menyiapkan pelaksanaan pentaksiran standard bagi pekerjaan vokasional yang utama pada akhir 2018.

Mentransformasi laluan pendidikan teknikal

Kementerian akan menambah baik laluan pendidikan teknikal supaya lebih menarik dan relevan dengan memperkemas penawaran mata pelajaran elektif teknikal kepada tiga bidang penting: (i) kejuruteraan dan sains gunaan; (ii) reka bentuk dan teknologi; dan (iii) perniagaan dan perkhidmatan. Selain kesinambungan kerjasama dengan ACCA, Kementerian akan turut membentuk kerjasama dengan badan profesional bagi meningkatkan pengiktirafan dan akreditasi untuk kelayakan pendidikan teknikal merentasi tiga bidang yang dinyatakan. Langkah ini menuntut keperluan menjadikan kurikulum elektif teknikal (termasuk infrastruktur sekolah), selari dengan keperluan badan profesional berkenaan.

EKSHIBIT 7-9

Sasaran industri yang berpotensi untuk menjalinkan kolaborasi dengan kolej vokasional

Kawasan Koridor Utara Ekonomi (NCER) – Kedah, Perak, Perlis, Pulau Pinang

Teknologi Maklumat
- Sistem Teknologi Komputer
- Pangkalan Data dan Pengaturcaraan
- Rangkaian Perkhidmatan Sokongan
- Teknologi Komunikasi

Pertanian
- Pengurusan Tapak Semaian
- Bioteknologi Pertanian
- Pemprosesan Produk Pertanian
- Akuakultur

Pelancongan
- Pelancongan Kesihatan
- Pelancongan Pertanian

Kawasan Koridor Timur Ekonomi (ECER) – Kelantan, Terengganu, Pahang

Minyak, Gas dan Tenaga diperbaharui
- Teknologi Tenaga Solar
- Teknologi Kuasa dan Tenaga

Pertanian
- Pengurusan Tapak Semaian
- Bioteknologi Pertanian
- Pemprosesan Produk Pertanian (Halal)
- Pemprosesan Produk Ternakan (Halal)

Pengangkutan & Logistik
- Penyelengaraan Pesawat
- Teknologi Avionik

Koridor Pembangunan Sabah (SDC)

Minyak , Gas dan Tenaga diperbaharui
- Teknologi Tenaga Solar
- Teknologi Kuasa dan Tenaga

Jualan & Pemasaran
- Pemasaran
- Pengurusan Runcit

Pengeluaran
- Teknologi Elektrik & Peralatan

Pelancongan
- Pelancongan Kesihatan
- Pelancongan Pertanian

***Greater* KL/Lembah Klang**

Pengangkutan & Logistik
- Logistik Global & Teknologi Rantaian Bekalan
- Teknologi Lokomotif

Sains Kesihatan
- Teknologi Makmal Perubatan
- Kesihatan Persekitaran

Kewangan
- Perbankan
- Insurans

Pelancongan
- Pelancongan Kesihatan
- Pelancongan Sukan (Golf)

Iskandar Malaysia - Johor

Pengangkutan & Logistik
- Teknologi Perkhidmatan Marin
- Teknologi Logistik Global & Rantaian Bekalan

Teknologi Maklumat
- Sistem Teknologi Komputer
- Pangkalan Data dan Pengaturcaraan
- Rangkaian Perkhidmatan Sokongan
- Permainan/Simulasi/Animasi Audio/Kesan Video

Pertanian
- Bioteknologi Pertanian
- Pemprosesan Produk Pertanian

Pelancongan
- Pelancongan Sukan (Golf)

Pengeluaran (infrastruktur, peralatan & kemudahan sedia ada)

Koridor Tenaga Diperbaharui Sarawak (SCORE)

Minyak, Gas dan Tenaga diperbaharui
- Teknologi Tenaga Solar
- Teknologi Kuasa dan Tenaga

Pengangkutan & Logistik
- Teknologi Logistik Global & Rantaian Bekalan
- Teknologi Perkhidmatan Marin

Pelancongan
- Pelancongan Kesihatan
- Pelancongan Pertanian

Pertanian & Perikanan
- Pengurusan Tapak Semaian
- Bioteknologi Pertanian
- Akuakultur
- Industri Avian

Memperluas laluan pendidikan agama

Dalam Gelombang 2, Kementerian akan meneroka peluang untuk meningkatkan penawaran tempat untuk murid di sekolah agama dengan menambah bilangan SMKA kepada 77 buah menjelang 2025 dan menggalakkan lebih banyak sekolah agama persendirian berdaftar sebagai SABK. Kementerian juga menyedari keperluan mengekalkan kualiti pendidikan di sekolah agama dengan memperluaskan pelaksanaan Kurikulum Dini dan Tahfiz ke SMKA. Kementerian juga akan mengkaji kemungkinan menyediakan sijil tahfiz kepada graduan aliran tahfiz di Tingkatan 5.

Bagi sekolah agama persendirian yang memilih untuk tidak menggunakan kurikulum kebangsaan atau mendapatkan status SABK, Kementerian akan mencadangkan supaya Kerajaan Persekutuan memperkukuh dan memperluas peranan Lembaga Penasihat dan Penyelarasan Pendidikan Agama Islam (LEPAI), yang bertanggungjawab kepada Majlis Raja-Raja. LEPAI akan bertindak sebagai badan penggerak bagi menyelaras antara Kementerian dan Kerajaan Negeri untuk penyediaan lebih banyak sumber kepada sekolah berkenaan. Kementerian akan mengkaji pewujudan skim akreditasi bagi sekolah agama persendirian dengan kerjasama LEPAI dan pihak berkuasa agama negeri supaya ibu bapa mendapat jaminan tentang kualiti pendidikan yang ditawarkan di sekolah berkenaan.

Menilai sekolah sukan dan sekolah seni

Dalam Gelombang 2, Kementerian akan menilai permintaan tempat

di sekolah sukan dan sekolah seni, dan menentukan keperluan untuk penambahannya. Perkembangan ini berkemungkinan melibatkan usaha peluasan sekolah sedia ada atau pembinaan sekolah baharu. Penilaian yang dijalankan oleh Kementerian juga akan meliputi kualiti infrastruktur, kemudahan, kurikulum, dan perkhidmatan lain (seperti jurulatih/pembimbing/pakar) untuk memastikan sekolah ini dilengkapi dengan kemudahan yang mencukupi bagi menghasilkan atlet terkemuka dan penggiat seni yang berjaya pada masa depan.

Menambah bantuan untuk murid pintar cerdas dan murid berkeperluan khas

Dalam Gelombang 2, Kementerian akan melancarkan dua program rintis untuk murid berpencapaian tinggi dan murid pintar cerdas. Program rintis ini disediakan dengan berdasarkan model amalan terbaik program pendidikan pintar cerdas dalam sistem pendidikan berprestasi tinggi lain dan boleh dilaksanakan dengan kerjasama sektor swasta dan kumpulan pakar. Sokongan untuk murid berkeperluan khas dalam Gelombang 2 akan melibatkan peningkatan inisiatif yang dilancarkan dalam Gelombang 1, dan pergerakan ke arah pendidikan murid berkeperluan khas yang lebih inklusif. Sila rujuk Bab 4 untuk keterangan tentang inisiatif ini.

Meningkatkan standard dan pengiktirafan untuk program Matrikulasi

Dalam Gelombang 2, Kementerian akan meningkatkan standard program Matrikulasi bagi meningkatkan tahap pengiktirafannya pada peringkat antarabangsa. Objektifnya adalah untuk memastikan kelayakan Matrikulasi ini diiktiraf oleh institusi awam dan swasta, dalam dan luar negara. Standard akademik dan pentaksiran program matrikulasi akan ditanda aras oleh suatu badan akreditasi antarabangsa untuk mencapai tahap seperti *Advanced Subsidiary Levels* (AS-Levels) atau *Scottish Highers*.

Kementerian akan mengkaji semula kurikulum Matrikulasi bagi mempersiapkan murid untuk lebih bersedia ke universiti. Bidang yang ditekankan termasuk bahasa Inggeris dan kemahiran tertiari seperti analisis kritis, penulisan laporan dan prinsip penyelidikan. Modul tambahan yang berasaskan projek akan diperkenalkan.

Kementerian juga berhasrat untuk menjajarkan pengalaman Tingkatan 6 dengan program Matrikulasi. Kementerian sedang mengkaji untuk membenarkan pelajar Matrikulasi melibatkan diri secara lebih meluas dalam aktiviti pelajar termasuk mewujudkan majlis pelajar yang berhak memberi input tentang aspek kehidupan pelajar yang tertentu dan penambahan pilihan aktiviti sukan dan kokurikulum.

Mewujud standard kualiti dalam sektor swasta

Kementerian akan mewujudkan standard kualiti dan kaedah penaziran sepadan untuk prasekolah. Walaupun standard kualiti telah diwujudkan pada peringkat sekolah rendah dan menengah, Kementerian akan mengkaji pewujudan mekanisme penaziran yang serupa untuk prasekolah. Pada peringkat lepas menengah, Kementerian akan memastikan penyedia perkhidmatan pendidikan swasta berupaya menyediakan murid dengan kualiti pendidikan yang memenuhi standard minimum yang diperlukan untuk melanjutkan pelajaran ke peringkat yang lebih tinggi.

Gelombang 3 (2021 - 2025): Memastikan laluan pendidikan untuk semua

Dalam tempoh ini, Kementerian akan memberikan tumpuan kepada usaha menghalusi laluan pendidikan setiap murid. Usaha ini mungkin termasuk memperluaskan lagi laluan pendidikan (seperti sekolah sukan dan sekolah seni) dan boleh dipermudah cara melalui peranan yang lebih besar oleh sektor swasta. Sebagai contoh, Kementerian melihat peranan kolej vokasional swasta semakin meningkat hasil perkembangan yang berlaku dalam senario pendidikan vokasional. Kewujudan kolej swasta dijangka akan menurunkan kos akibat hasil ekonomi skala. Di samping itu, kolej swasta ini lebih luwes dan dapat memenuhi keperluan industri yang sentiasa berubah.

Menjelang 2025, kolej vokasional swasta dijangka menerajui pendidikan vokasional untuk industri kos rendah, seperti industri hospitaliti. Kementerian akan membantu peluasan pelibatan sektor swasta melalui pemberian geran dan pinjaman mudah. Kolej vokasional awam pula akan terus berperanan aktif, terutamanya untuk industri teknologi tinggi yang mungkin mempunyai syarat kemasukan yang tinggi untuk sektor swasta, seperti kejuruteraan aeroangkasa. Kementerian juga akan memainkan peranan dalam menetapkan dan menguatkuasakan standard dalam sektor ini. Selain itu, Kementerian juga akan mengkaji penyediaan platform dalam talian untuk mewujudkan ketelusan tentang peluang pekerjaan kepada bakal murid vokasional, menyediakan maklumat tentang pusat latihan vokasional dan memadankan murid vokasional dengan pekerjaan serantau.

SOKONGAN UNTUK SEKOLAH YANG BERKAITAN DENGAN ASPIRASI KESELURUHAN

Kementerian akan memastikan semua sekolah kerajaan dan bantuan kerajaan diberikan sokongan selaras dengan aspirasi sistem Kementerian secara telus dan saksama. Langkah yang akan diambil termasuk:

- Menyedia dan melaksanakan set prinsip yang telus dan saksama bagi agihan kewangan dan bantuan lain yang diberikan kepada sekolah kerajaan dan bantuan kerajaan; dan
- Menggalakkan pertukaran secara sukarela sekolah bantuan kerajaan kepada sekolah kerajaan.

Kementerian menyediakan sokongan secara saksama kepada sekolah awam berasaskan keperluan. Walau bagaimanapun, apabila Kementerian melaksanakan transformasi menerusi Pelan ini, sistem sokongan bagi sekolah akan ditumpukan kepada lima aspirasi sistem yang digariskan dalam Bab 2.

Pada masa ini, sebahagian besar sokongan yang disediakan untuk sekolah adalah sama merentas semua jenis sekolah. Walau bagaimanapun, beberapa kategori sokongan ditentukan oleh status sekolah sama ada sekolah kerajaan atau bantuan kerajaan. Sekolah kerajaan ditubuhkan atas tanah awam dan diselenggara sepenuhnya oleh Kementerian. Sekolah bantuan kerajaan merujuk sekolah lain yang ditubuhkan di atas tanah persendirian dan menerima bantuan kewangan daripada Kementerian. Sekolah bantuan kerajaan termasuk beberapa sekolah jenis kebangsaan, sekolah mubaligh, sekolah *conforming* dan sekolah agama yang dibina atas tanah persendirian.

Terdapat tiga kategori utama bantuan kewangan kepada sekolah:

- **Bantuan geran atau sokongan bagi perbelanjaan mengurus.** Elemen terbesar adalah geran per kapita (PCG) yang diagih berasaskan formula yang sama merentas sekolah kerajaan dan sekolah bantuan kerajaan. Formula ini mengambil kira faktor berasaskan keperluan seperti saiz sekolah, mata pelajaran yang diambil oleh murid, dan bilangan murid pendidikan khas. Bantuan geran yang berbeza antara jenis sekolah adalah hanya untuk utiliti. Kementerian membiayai sepenuhnya perbelanjaan utiliti bagi sekolah kerajaan dan menetapkan siling peruntukan bagi sekolah bantuan kerajaan. Berasaskan analisis peruntukan sekolah di Selangor, Kementerian membiayai purata RM33,820 perbelanjaan utiliti per sekolah kerajaan pada 2011 berbanding RM30,357 per sekolah bantuan kerajaan.
- **Geran pembangunan atau sokongan bagi perbelanjaan pembangunan**. Geran ini termasuk pembinaan sekolah atau bangunan baharu, ubah suai, dan baik pulih. Kementerian menyediakan 100% perbelanjaan pembangunan bagi sekolah kerajaan. Bagi sekolah bantuan kerajaan 80% atau lebih perbelanjaan pembangunan dibiayai kerajaan. Purata geran penyelenggaraan, ubah suai, dan naik taraf untuk sekolah sedia ada di Selangor bagi 2011 sebanyak RM24,305 bagi setiap sekolah kerajaan berbanding RM23,827 bagi setiap sekolah bantuan kerajaan.
- **Bantuan kewangan lain.** Beberapa bentuk bantuan kewangan lain seperti Kumpulan Wang Amanah untuk Pelajar Miskin (KWAPM), juga disalurkan. Pada masa ini, peruntukan terbesar bagi kategori ini ialah Peruntukan Khas 2012 sebanyak RM100 juta diperuntukkan kepada setiap jenis sekolah: 822 SJKC, 224 SJKT, 468 sekolah mubaligh, dan 167 SABK. Sebanyak RM 500 juta diperuntukkan kepada hampir 1,800 sekolah kerajaan.

Selain bantuan kewangan, sekolah menerima sokongan lain daripada Kementerian. Sokongan terbesar yang diterima oleh sekolah adalah dari segi tenaga manusia. Kementerian menyediakan guru kepada sekolah kerajaan dan sekolah bantuan kerajaan berdasarkan satu set kriteria. Gaji guru dibiayai sepenuhnya oleh Kementerian, yang berjumlah 68.7% perbelanjaan Kementerian pada 2011. Sokongan lain kepada sekolah termasuk penyediaan buku, latihan guru dan bimbingan pemimpin sekolah.

Pelan Tindakan: Menyediakan sokongan yang saksama dan telus kepada semua sekolah

Untuk mencapai keseluruhan aspirasi yang digariskan dalam Pelan ini, Kementerian akan terus meningkatkan sistem penyediaan sokongan sedia ada kepada sekolah. Pertama, Kementerian akan menstruktur semula sistem sokongan dengan dipacu aspirasi yang digariskan dalam Bab 2. Kedua, Kementerian akan memastikan sistem sokongan yang dirombak semula adalah lebih telus kepada kepimpinan sekolah dan rakyat. Akhirnya, Kementerian

"Kerajaan akan menyokong semua sekolah di bawah sistem pendidikan kebangsaan – sama ada sekolah kebangsaan, sekolah jenis kebangsaan Cina dan Tamil, sekolah mubaligh atau sekolah pendidikan agama Islam"

YAB Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin

EKSHIBIT 7-10

Prinsip sokongan yang saksama akan diselaraskan dengan aspirasi sistem

	Objektif	Cadangan prinsip sokongan yang saksama
Kualiti	▪ Meningkatkan keseluruhan **kualiti guru** di semua sekolah ▪ Menggalakkan sekolah melakukan inovasi dan **penambahbaikan dengan pantas**	▪ Menyediakan peruntukan tambahan untuk peningkatan kemahiran guru di semua sekolah ▪ Menyediakan lebih ganjaran dan insentif untuk sekolah yang meningkat dengan pantas. Contoh: peruntukan untuk SBT
Akses	▪ **Meningkatkan enrolmen** dan **mengurangkan kadar keciciran** di sekolah pedalaman	▪ Menyediakan sokongan tambahan melalui Program Transformasi Daerah untuk sekolah di pedalaman yang mengalami kadar keciciran tinggi dan kehadiran rendah.
Perpaduan	▪ Menerima kepelbagaian dan **keterangkuman** ▪ Memastikan **layanan saksama** kepada semua sekolah	▪ Memastikan sistem pembiayaan adalah saksama untuk semua sekolah, dan peruntukan diberi berasaskan peringkat (contoh: rendah, menengah), bilangan dan jenis kumpulan murid, serta mata pelajaran.
Kecekapan	▪ Meningkatkan **ketelusan** dalam pemberian dan agihan pembiayaan	▪ Memaklumkan kepada pihak awam peruntukan, agihan, dan perbelanjaan setiap sekolah
Ekuiti	▪ **Merapatkan jurang:** – Sekolah berprestasi rendah – Murid berkeperluan khas – Antara bandar dengan luar bandar – Negeri berprestasi rendah – Status sosioekonomi	▪ Menyediakan sokongan bimbingan tambahan kepada sekolah berprestasi rendah. Contoh: *SISC+, SIPartner+* ▪ Memperuntukkan lebih dana untuk guru dan infrastruktur kepada sekolah yang mempunyai murid berkeperluan khas ▪ Menyediakan insentif kepada guru dan pemimpin sekolah di sekolah luar bandar ▪ Menyediakan lebih pembiayaan dan sokongan kepada negeri dengan pencapaian rendah;. Contoh: menempatkan lebih pembimbing dan menyalurkan dana bagi infrastruktur ▪ Meningkatkan bantuan kewangan. Contoh: menambah baik KWAPM yang dikaitkan dengan keberhasilan (contoh: kehadiran murid)

akan menggalakkan sekolah bantuan kerajaan bertukar secara suka rela kepada sekolah kerajaan dengan mengekalkan identiti dan warisannya.

Gelombang 1 (2013 - 2015): Membangunkan sistem sokongan yang dipacu aspirasi

Dalam Gelombang 1, Kementerian akan menumpukan kepada usaha membangunkan satu set prinsip yang saksama bagi penyediaan sokongan kewangan dan lain-lain kepada sekolah. Seperti yang ditunjukkan dalam Ekshibit 7-10, prinsip ini akan dipacu dan disokong oleh lima aspirasi sistem yang dikenal pasti dalam Bab 2 Pelan ini. Prinsip ini akan disesuaikan kepada setiap kategori sokongan yang biasanya disesuaikan untuk sekolah. Prinsip sokongan ini akan disiapkan dan diumumkan pada akhir 2015.

Kementerian juga akan menggalakkan lebih banyak sekolah bantuan kerajaan menukarkan status sekolah secara suka rela menjadi sekolah kerajaan. Menjelang 2015, Kementerian akan membangunkan pelan tindakan komprehensif bagi perubahan suka rela sekolah bantuan kerajaan kepada sekolah kerajaan. Contohnya, Kementerian akan mengkaji galakan kepada empunya tanah yang diduduki sekolah bantuan kerajaan untuk membenarkan pajakan jangka panjang kepada Kementerian atau mengadakan kontrak eksplisit dengan Kementerian yang membenarkan Kementerian memegang tanah atas amanah bagi empunya tanah tanpa pindah milik tanah. Perubahan suka rela sekolah bantuan kerajaan ini akan dilaksanakan secara berperingkat bagi membolehkan Kementerian melaksanakan pendekatan lebih sesuai bagi perubahan setiap sekolah dan mengelakkan beban berlebihan ke atas sumber Kementerian.

Kementerian mengiktiraf bahawa banyak sekolah bantuan kerajaan, seperti SJK, sekolah mubaligh, dan sekolah agama merupakan bahagian penting dalam warisan identiti dan budaya pelbagai kumpulan yang membentuk Malaysia. Oleh itu, dalam usaha menggalakkan perubahan status sekolah bantuan kerajaan kepada sekolah kerajaan, Kementerian akan memberi perhatian khusus untuk mengekalkan struktur tadbir urus, identiti, dan warisan sekolah jenis ini. Kementerian akan melibatkan pihak berkepentingan secara aktif dalam membangunkan pelan tindakan ini. Tiada paksaan akan digunakan. Pada masa ini, banyak sekolah bantuan kerajaan juga digunakan untuk tujuan kebudayaan dan komuniti, selain tujuan akademik. Mengiktiraf hal ini, Kementerian akan terus membenarkan sekolah ini digunakan untuk tujuan tersebut, selagi penggunaan itu tidak menjejaskan pembelajaran murid atau membebankan kewangan sekolah.

Gelombang 2 dan 3 (2016 - 2025): Menerapkan pendekatan yang memacu aspirasi sistem untuk menyokong sekolah

Dalam dua gelombang seterusnya, Kementerian akan membangunkan satu sistem sokongan untuk semua sekolah awam. Pertama, Kementerian akan menterjemah prinsip sokongan yang saksama dengan menyediakan satu garis panduan bagi memperuntuk dan mengagihkan pelbagai bentuk sokongan kepada sekolah. Contohnya, Kementerian akan membangunkan formula peruntukan yang objekif dan telus serta menggunakan garis panduan bagi semua sokongan kewangan yang biasa diberikan kepada sekolah. Kementerian berhasrat untuk menyiapkan garis panduan sokongan ini pada akhir 2017.

Selari dengan itu, fungsi audit sedia ada Kementerian akan memastikan prinsip sokongan saksama ini diamalkan merentas semua sekolah yang disokong Kementerian. Akhirnya, Kementerian akan melaksanakan pelan tindakan bagi pelaksanaan perubahan status secara sukarela sekolah bantuan kerajaan kepada sekolah kerajaan.

MEMPERTEGUH PERPADUAN DI SEKOLAH

Kementerian akan memastikan sistem pendidikan menyediakan peluang kepada semua murid untuk berinteraksi dengan individu daripada latar belakang sosioekonomi, agama dan etnik, serta lokasi geografi dan belajar memahami, menerima, dan menghargai kepelbagaian. Melalui interaksi ini, pengalaman dan aspirasi yang dikongsi untuk masa depan Malaysia dapat dibentuk. Seterusnya, nilai serta pengalaman yang dikongsi bersama ini akan menjadi asas yang memupuk satu identiti dan perpaduan negara. Kementerian akan memberikan tumpuan kepada usaha melaksanakan langkah intervensi bagi menyediakan peluang untuk murid berinteraksi di semua jenis sekolah. Langkah ini bertujuan menggalakkan integrasi yang lebih kukuh dengan objektif utamanya menjadikan Sekolah Kebangsaan sebagai sekolah pilihan utama dan membolehkan interaksi antara murid berlaku secara semula jadi.

Langkah yang akan diambil termasuk:

- Meningkatkan kemahiran bahasa Malaysia di Sekolah Jenis Kebangsaan bagi memudahkan peralihan ke SMK;
- Meningkatkan program RIMUP bagi menggalakkan persahabatan antara kumpulan etnik melalui aktiviti sukan dan kokurikulum;
- Memperkenalkan komponen khidmat komuniti yang wajib di semua sekolah; dan
- Mengkaji semula elemen dalam kurikulum Pendidikan Agama Islam dan Pendidikan Moral bagi menerapkan pemahaman tentang nilai-nilai perpaduan dan hubungan baik sesama insan.

Seperti yang dinyatakan dalam Bab 3 (3-21), dengan adanya pelbagai pilihan sekolah awam dan swasta pada peringkat rendah dan menengah, sistem pendidikan Malaysia menyediakan pilihan yang paling luas untuk ibu bapa dan murid yang terdiri daripada pelbagai kaum. Kepelbagaian ini adalah warisan sejarah negara dan perbezaan besar yang wujud antara kaum. Kementerian beriltizam menyediakan pendidikan berkualiti untuk semua murid di semua jenis sekolah.

Kini, daripada 2.9 juta murid yang berdaftar di sekolah rendah, 98% berada dalam sistem pendidikan kebangsaan. Daripada peratusan tersebut, 74% berdaftar di SK yang menggunakan bahasa Malaysia sebagai bahasa pengantar, 21% berdaftar di SJKC yang menggunakan bahasa Cina sebagai bahasa pengantar, 3% di SJKT yang menggunakan bahasa Tamil sebagai bahasa pengantar, dan kurang 1% berdaftar di SABK dan sekolah pendidikan khas. Manakala baki 2% berdaftar di sekolah swasta termasuk sekolah swasta yang menggunakan kurikulum kebangsaan, sekolah antarabangsa yang menggunakan kurikulum luar negara, sekolah agama dan sekolah pendidikan khas.

Seramai 2.3 juta murid berdaftar pada peringkat menengah rendah dan menengah atas di semua sekolah kerajaan dan swasta. Daripada jumlah ini, hampir 96% murid belajar di sekolah kebangsaan, dan 93% daripadanya berdaftar di SMK. Walau bagaimanapun, dalam kategori SMK secara keseluruhannya terdapat beberapa program persekolahan yang boleh dipilih oleh murid. Khususnya, murid boleh memilih SMK harian (88% daripada jumlah keseluruhan sekolah menengah), SBP (2%), sekolah teknik atau vokasional (2%), dan SMKA (1%). Terdapat juga beberapa pilihan lain yang disediakan, termasuk SABK peringkat menengah dan sekolah pendidikan khas (keseluruhan 3% daripada jumlah enrolmen sekolah menengah).

Sekolah Persendirian Cina mempunyai enrolmen sekolah menengah swasta, iaitu sebanyak 3% daripada jumlah keseluruhan enrolmen murid sekolah menengah. Bagi pilihan sekolah swasta yang lain, seperti sekolah antarabangsa, sekolah agama, sekolah swasta yang menggunakan kurikulum kebangsaan dan sekolah pendidikan khas keseluruhan enrolmennya berjumlah hampir 1% daripada jumlah enrolmen sekolah menengah.

Struktur sistem semasa dikekalkan

Kepelbagaian budaya dan bangsa yang menjadi ciri rakyat Malaysia adalah asas kepada identiti Malaysia dan sumber kelebihan daya saing dalam dunia global masa kini. Mengiktiraf ciri dan kelebihan ini, struktur sistem pendidikan sedia ada akan dikekalkan, khususnya SJK yang menggunakan bahasa Cina dan bahasa Tamil sebagai bahasa pengantar. Status dan identiti asas sekolah ini akan dikekalkan. Memandangkan sekolah jenis ini adalah sebahagian daripada sistem pendidikan negara, maka ia akan terus menikmati sokongan dan bantuan Kementerian.

"Pemimpin pengasas kita telah memutuskan bahawa integrasi adalah cara terbaik untuk melangkah ke hadapan. Mereka tidak memutuskan asimilasi."

YAB Dato' Seri Mohd Najib bin Tun Abdul Razak (2012)

Kajian UNESCO (2010) dan lain-lain menunjukkan bahawa murid belajar dengan lebih berkesan apabila diajar dalam bahasa ibunda sebagai persediaan untuk pendidikan dwibahasa atau pelbagai bahasa. Oleh itu, ibu bapa terus mempunyai pilihan sama ada untuk menghantar anak mereka ke SK atau SJK. Selepas tamat sekolah rendah, semua murid daripada pelbagai jenis sekolah awam termasuk daripada sekolah *Cina conforming* dan sekolah mubaligh akan bertumpu ke SMK. Keputusan ini selari dengan pandangan majoriti yang disuarakan semasa Dialog Nasional dan maklum balas yang diperoleh selepas pelancaran laporan awal Pelan ini.

Keseragaman etnik dalam sistem pendidikan

Seperti yang dibincangkan dalam Bab 3, walaupun keseluruhan sistem pendidikan di Malaysia mencerminkan kepelbagaian, terdapat kecenderungan terhadap persekitaran etnik yang seragam. Sebagai contoh, pada peringkat sekolah rendah, 94% enrolmen di SK ialah murid Bumiputera, 88% di SJKC murid Cina, dan hampir 100% di SJKT murid India. Walaupun terdapat pengecualian yang ketara (contohnya, SK di bandar mungkin mempunyai lebih ramai murid daripada pelbagai kaum), keadaan ini menunjukkan corak yang berulang di hampir semua pilihan persekolahan (Ekshibit 3-29). Namun begitu, keadaan ini bertambah baik pada peringkat menengah apabila murid daripada sekolah rendah yang berbeza digabungkan di SMK.

Kementerian menyedari bahawa persekitaran sekolah yang homogen memberikan lebih cabaran kepada murid untuk mengenali dan berkongsi pengalaman dengan kumpulan etnik dan budaya yang berbeza. Oleh itu, Kementerian telah mengambil langkah untuk menambah baik persekitaran sekolah seperti melaksanakan kurikulum yang digubal khusus, bagi membolehkan murid menghargai kepelbagaian budaya dan kumpulan etnik. Kementerian juga berhasrat meningkatkan usaha untuk mengukuhkan perpaduan di luar persekitaran sekolah dengan mengadakan aktiviti yang menggalakkan interaksi antara murid daripada pelbagai kumpulan etnik dan budaya, seperti dalam aktiviti sukan dan kokurikulum antara sekolah.

Elemen sivik dalam pendidikan

Pendidikan sivik mula diperkenalkan pada 1953 sebagai mata pelajaran khusus di sekolah. Objektifnya adalah untuk menerapkan ke dalam kurikulum ilmu pengetahuan yang relevan, serta nilai sepunya dan unik dalam identiti nasional rakyat Malaysia. Melalui mata pelajaran ini diharap murid mula memahami dan menghargai sejarah Malaysia, penduduknya, budayanya, dan nilai-nilai murninya, supaya murid dapat memahami dan menghargai persamaan dan perbezaan yang menjadikan Malaysia sebuah negara yang unik. Pendidikan sivik juga merupakan wahana bagi memupuk nilai dan kepercayaan teras yang digariskan dalam Rukun Negara, iaitu Kepercayaan kepada Tuhan, Kesetiaan kepada Raja dan Negara, Keluhuran Perlembagaan, Kedaulatan Undang-undang, dan Kesopanan dan Kesusilaan. Dalam kurikulum sekarang, pendidikan sivik tidak diajar sebagai mata pelajaran khusus tetapi melalui beberapa mata pelajaran lain seperti Pendidikan Agama Islam, Pendidikan Moral, Sejarah dan Kajian Tempatan.

Penyelidikan tentang keberkesanan pendidikan sivik di Malaysia seperti kajian Tor (2009) yang bertajuk "Measuring youth civic development in Malaysia: Conceptualisation, instrument development using the Rasch Measurement Model, and substantive outcomes", menunjukkan sistem pendidikan Malaysia menyampaikan pengetahuan sivik dengan berkesan (contohnya, kebanyakan murid memahami dan bersetuju dengan prinsip kebangsaan seperti Rukun Negara). Dapatan kajian juga menunjukkan bahawa kebanyakan murid bersetuju dengan nilai dan sikap terpuji yang termaktub dalam Rukun Negara. Walau bagaimanapun, sistem pendidikan negara boleh meningkatkan keupayaan untuk menggalakkan murid melaksanakan kepercayaan ini dan menggunakannya dalam kehidupan harian. Sebagai contoh, walaupun kebanyakan lepasan sekolah melaporkan bahawa penyertaan dalam khidmat komuniti merupakan aktiviti yang baik untuk individu, namun, sangat sedikit yang melakukannya secara sukarela.

Sekolah Wawasan

Sekolah Wawasan mula diperkenalkan pada 2003 bagi menggalakkan lebih banyak interaksi dan integrasi antara murid dari pelbagai jenis sekolah. Di bawah konsep ini, tiga jenis sekolah, biasanya satu SK, satu SJKC dan satu SJKT berkongsi pekarangan dan kemudahan sekolah yang sama tetapi mengekalkan pentadbiran sekolah yang berasingan. Sekolah Wawasan diwujudkan di tempat yang mempunyai kawasan bagi pembinaan pekarangan yang boleh dikongsi dan jarak yang dekat antara SK dengan SJK. Walau bagaimanapun, keadaan ini menghadkan

kebolehlaksanaan konsep tersebut dalam keseluruhan sistem pendidikan kebangsaan dan oleh itu, hingga kini hanya terdapat lima kompleks Sekolah Wawasan masih beroperasi.

RIMUP: Integrasi melalui aktiviti sukan dan kokurikulum

Kementerian juga menggalakkan integrasi melalui perkongsian aktiviti sukan dan kokurikulum antara sekolah, di bawah program RIMUP. Seperti yang dinyatakan dalam Bab 4, program RIMUP memberikan tumpuan kepada usaha menggalakkan interaksi antara murid pelbagai kumpulan melalui aktiviti sukan dan kokurikulum. Sekolah yang berlainan, seperti SK dan SJK, dipadankan dan murid daripada sekolah ini digalakkan supaya bersama-sama mengambil bahagian dalam aktiviti sukan dan kokurikulum terpilih. Program ini selaras dengan dapatan kajian antarabangsa yang menunjukkan bahawa aktiviti kumpulan berorientasikan tugasan, seperti sukan dan khidmat komuniti adalah suatu cara yang paling berkesan untuk menggalakkan persahabatan antara kumpulan dalam kalangan murid. Walau bagaimanapun, sejak beberapa tahun lalu, bajet untuk program RIMUP telah berkurang. Keadaan ini menghalang potensi keberkesanan RIMUP untuk memupuk perpaduan dalam kalangan murid (Ekshibit 7-11).

EKSHIBIT 7-11

Ciri inisiatif RIMUP

Sekolah dikelompokkan untuk menjalankan aktiviti bersama[1]

CONTOH

Kelompok	Sekolah
A	SK, SJKC, SJKT
B	SK, SJKC
C	SK, SJKT
D	SJKC, SJKT
E	SMK, SMKA, SMJK

Aktiviti dikelompokkan di bawah lima kategori

1. Aktiviti untuk kecemerlangan akademik
2. Sukan dan permainan
3. Aktiviti kokurikulum
4. Khidmat masyarakat
5. Aktiviti bagi mengukuhkan semangat patriotik

Peruntukan bajet untuk RIMUP



1 Diputuskan pada peringkat negeri
SUMBER: Bahagian Kokurikulum dan Kesenian

Pelan Tindakan: Meningkatkan interaksi dan mengukuhkan integrasi di semua jenis sekolah

Mencari penyelesaian untuk isu berkaitan keseragaman penting demi memupuk perpaduan. Amat penting bagi murid mempelajari nilai, sikap, dan tingkah laku yang betul ketika masih muda dan masih dalam proses membentuk tingkah laku dan pandangan hidup mereka. Intervensi pada peringkat yang lebih lewat didapati kurang berkesan.

Objektif utama adalah untuk menjadikan SK sebagai sekolah pilihan utama ibu bapa supaya interaksi antara murid daripada pelbagai latar belakang sosioekonomi, agama, dan etnik berlaku secara semula jadi di sekolah.

Inisiatif ini akan dilaksanakan di semua jenis sekolah, termasuk sekolah yang mempunyai komposisi satu etnik sahaja. Apabila melaksanakan inisiatif ini, Kerajaan akan menghormati misi dan kepercayaan setiap jenis sekolah. Inisiatif ini juga akan menyokong pendidikan holistik murid.

"Malaysia memupuk cita-cita untuk mencapai perpaduan yang lebih sempurna dalam kalangan seluruh masyarakatnya."

Prakata Rukun Negara (1970)

Gelombang 1 (2013-2015): Menyediakan asas perpaduan

Gelombang 1 akan memberikan tumpuan kepada usaha mewujudkan pemahaman yang lebih baik tentang tahap perpaduan pada masa ini. Langkah ini akan membantu Kementerian mengenal pasti elemen dalam sistem yang memerlukan bantuan, supaya intervensi yang bersesuaian dapat dilaksanakan. Tumpuan juga akan diberikan bagi menangani masalah berkaitan integrasi SJKC dan SJKT yang memerlukan perhatian segera dengan tujuan membantu peralihan yang lancar daripada penggunaan bahasa Cina dan Tamil sebagai bahasa pengantar di sekolah rendah kepada penggunaan bahasa Malaysia sebagai bahasa pengantar di sekolah menengah.

Mengukur perpaduan nasional dalam sistem pendidikan

Pada 2014, Kementerian akan melaksanakan kajian jangka panjang tahunan tentang perpaduan dalam kalangan sampel murid yang mewakili Tahun 6 dan Tingkatan 5 di seluruh negara. Kajian ini akan terdiri daripada dua elemen, iaitu menguji pengetahuan sivik (seperti pengetahuan am tentang sivik di Malaysia) dan menguji sikap dan tingkah laku berasaskan Indeks Hubungan Masyarakat yang dibangunkan oleh JPNIN.

Kaji selidik ini mempunyai beberapa tujuan. Ia akan menyediakan asas bagi memahami tahap perpaduan pada masa ini dalam kalangan murid semasa peralihan mereka dari peringkat persekolahan yang berturutan hingga ke dunia pekerjaan. Kaji selidik ini dapat membantu Kementerian mengenal pasti elemen khusus dalam sistem pendidikan yang memerlukan intervensi, analisis masalah khusus seperti kurang pendedahan kepada kepelbagaian, dan merancang tindakan yang bersesuaian. Dalam jangka masa panjang, kaji selidik ini juga akan mengesan perubahan perpaduan nasional dalam kalangan murid, seterusnya menyediakan asas bagi mengukur kemajuannya berbanding aspirasi negara.

Memudahkan peralihan daripada sekolah jenis kebangsaan kepada sekolah menengah kebangsaan

Kementerian memahami cabaran yang dihadapi oleh murid apabila bertukar kepada bahasa Malaysia sebagai bahasa pengantar di SMK setelah menggunakan bahasa Cina dan bahasa Tamil sebagai bahasa pengantar di peringkat rendah. Setiap murid dari SJKC dan SJKT perlu menguasai bahasa Malaysia untuk berjaya di SMK. Oleh itu, kemahiran bahasa Malaysia dalam kalangan murid SJKC dan SJKT perlu ditingkatkan.

Seperti yang dinyatakan dalam Bab 4, standard bagi kurikulum dan pentaksiran untuk mata pelajaran Bahasa Malaysia di SJK akan ditingkatkan supaya setanding dengan standard di SK. Pada masa ini, standard bagi peperiksaan kertas Bahasa Malaysia di SK adalah lebih

tinggi. Penggunaan standard yang sama memastikan semua murid yang lulus peperiksaan UPSR berkebolehan untuk berjaya dalam persekitaran yang menggunakan bahasa Malaysia sebagai bahasa pengantar. Kementerian juga akan meningkatkan kualiti pengajaran untuk kelas Bahasa Malaysia di SJK. Jika perlu, kemahiran guru Bahasa Malaysia yang ditambah akan ditingkatkan bagi mengelakkan kekurangan guru.

Kementerian akan memperkenalkan inisiatif peringkat sekolah yang lebih berkesan bagi membantu murid mencapai standard yang ditetapkan. Murid yang mengikuti program ini tidak perlu memasuki kelas Peralihan. Murid Tahun 1 hingga 3 yang lemah pencapaiannya akan meningkatkan kompetensi kemahiran asas literasi melalui program LINUS. Setelah menamatkan program LINUS, murid Tahun 4 hingga 6 yang masih lemah dalam penguasaan Bahasa Malaysia dapat dikenal pasti. Mereka akan mengikuti kelas pemulihan selepas waktu sekolah untuk meningkatkan kemahiran bahasa Malaysia. Murid yang lebih mahir tidak perlu mengikuti kelas tersebut. Inisiatif ini akan dilaksanakan menjelang 2014 untuk murid Tahun 4.

Gelombang 2 (2016-2020): Meningkatkan intervensi bagi memupuk perpaduan

Gelombang 2 akan menambah baik beberapa program sedia ada yang dirancang bagi memupuk perpaduan. Usaha penambahbaikan ini termasuklah meningkatkan program RIMUP sedia ada dan beberapa inovasi kurikulum dan pedagogi. Program ini berdasarkan amalan terbaik yang diperoleh daripada kajian nasional dan antarabangsa berkaitan pemupukan kepaduan sosial dan tingkah laku sivik dalam kalangan murid.

Meningkatkan program RIMUP

Kementerian akan memperluas program RIMUP supaya setiap sekolah dapat mengambil bahagian dalam sekurang-kurangnya dua aktiviti antara sekolah setiap tahun. Sekolah akan dibahagikan mengikut kumpulan bagi membolehkan interaksi antara jenis sekolah yang berbeza, sekolah kerajaan dan sekolah swasta.

Kementerian juga akan mengkaji semula aktiviti yang sedang dijalankan di bawah program RIMUP. Pada masa ini, program yang dilaksanakan merangkumi pelbagai aktiviti, termasuk peningkatan akademik, sukan dan permainan, khidmat komuniti dan aktiviti kokurikulum. Walau bagaimanapun, kajian menunjukkan bahawa tidak semestinya semua aktiviti yang dijalankan berkesan bagi memupuk perpaduan. Oleh itu, Kementerian akan mengecilkan skop bagi aktiviti di bawah RIMUP untuk memberikan tumpuan kepada aktiviti seperti sukan, seni dan khidmat komuniti, yang benar-benar terbukti berkesan dalam memupuk persahabatan antara kumpulan murid dan mengukuhkan hubungan dengan komuniti.

Mengukuhkan Pendidikan Agama Islam, Pendidikan Moral dan elemen sivik

Selari dengan amalan sistem pendidikan berprestasi tinggi seperti Kanada dan Singapura, Kementerian akan memperkenalkan komponen khidmat komuniti dalam kurikulum semua sekolah rendah (Tahun 4 hingga 6) dan menengah dalam Gelombang 2. Seterusnya, penyempurnaan komponen khidmat komuniti akan menjadi prasyarat untuk lulus pada peringkat menengah. Pilihan yang dipertimbangkan pada masa ini ialah aktiviti mingguan selama empat bulan setiap tahun yang menggabungkan murid daripada semua kumpulan etnik. Pelaksanaan aktiviti berkumpulan yang berorientasikan matlamat dan disertai oleh murid pelbagai kaum akan mengukuhkan lagi perpaduan dalam kalangan murid. Melalui khidmat komuniti, murid juga boleh mengukuhkan hubungan dengan komuniti setempat tempatan. Ibu bapa dan masyarakat umum akan lebih terlibat secara langsung dengan tugasan kerja rumah, pembelajaran di dalam bilik darjah, dan projek khidmat komuniti. Pelibatan komuniti akan mengukuhkan lagi pembelajaran di dalam bilik darjah.

Pedagogi untuk Pendidikan Agama Islam dan Pendidikan Moral juga akan disemak semula bagi melibatkan lebih banyak aktiviti main peranan, simulasi, perbincangan di dalam bilik darjah, dan tugasan dalam kumpulan kecil. Kaedah pembelajaran secara penyertaan adalah lebih berkesan dalam memupuk nilai murni dan memperkukuh tingkah laku berbanding cara kuliah dan membuat latihan dalam buku kerja. Kurikulum Pendidikan Agama Islam bagi murid Islam dan kurikulum Pendidikan Moral bagi murid bukan Islam akan disemak untuk memberi lebih tumpuan kepada pemahaman tentang nilai-nilai perpaduan dan hubungan baik sesama insan.

Mengukuhkan penyediaan pendidikan bahasa tambahan

Seperti yang dibincangkan dalam Bab 4 tentang pembelajaran murid, Kementerian juga akan meningkatkan akses murid kepada pembelajaran bahasa tambahan tertakluk kepada ketersediaan sumber. Menjelang 2020, pilihan bahasa tambahan yang paling digemari seperti bahasa Cina, Tamil dan Arab akan ditawarkan di lebih banyak sekolah. Selain itu, pengajaran bahasa tambahan akan disepadukan dalam waktu pengajaran pada peringkat sekolah rendah dan menengah. Sekolah yang lebih besar akan menawarkan lebih banyak bahasa tambahan manakala sekolah yang lebih kecil meneroka usaha memanfaatkan penggunaan teknologi bagi meningkatkan bilangan pilihan bahasa tambahan yang ditawarkan.

Gelombang 3 (2021-2025): Mengkaji semula pilihan sekolah dan struktur sistem

Gelombang 3 akan menyaksikan bagaimana SK dan SMK akan muncul sebagai sekolah pilihan utama semua ibu bapa tanpa mengira kaum atau latar belakang sosioekonomi. Kementerian akan terus memantau tahap interaksi dan integrasi antara kumpulan murid yang berbeza. Bergantung pada kualiti hasil, Kementerian mungkin membuat pertimbangan untuk mengkaji semula pelbagai pilihan persekolahan bagi menentukan sama ada perubahan seterusnya diperlukan untuk meningkatkan perpaduan.

SISTEM PEMBELAJARAN: IBU BAPA, KOMUNITI DAN SEKTOR SWASTA

Kementerian Pendidikan akan memastikan ibu bapa, komuniti dan sektor swasta terlibat sebagai rakan dalam pendidikan. Tumpuan adalah untuk memanfaatkan kelebihan saing pelbagai pihak bagi menyampaikan pendidikan berkualiti secara bersepadu, berkesan dan cekap.

Langkah yang akan diambil termasuk:

- Meningkatkan kesedaran dalam kalangan ibu bapa dan komuniti tentang peranan mereka dalam pendidikan anak- anak;
- Menyediakan bimbingan kepada sekolah bagi memacu proses pelibatan ibu bapa dan komuniti;
- Mengaitkan bantuan kewangan untuk murid miskin dengan peningkatan pelibatan ibu bapa;
- Mengupayakan PIBG untuk memainkan peranan yang lebih besar dalam menyokong pelibatan ibu bapa dan komuniti; dan
- Meningkatkan jaringan Sekolah Amanah dan bidang lain untuk pelibatan sektor swasta.

Seperti yang dibincangkan dalam Bab 3, hanya 27% daripada waktu kanak-kanak antara usia 7–17 dihabiskan di sekolah. Oleh sebab sebahagian besar waktu mereka dihabiskan di rumah dan dalam kalangan anggota komuniti yang lebih besar, kanak-kanak juga belajar di luar lingkungan sekolah. Walaupun tidak dapat dinafikan bahawa guru dan sekolah memainkan peranan penting dalam perkembangan murid, terdapat banyak fakta yang menunjukkan bahawa pelibatan ibu bapa dan komuniti dalam pendidikan kanak-kanak boleh menghasilkan perbezaan yang ketara dalam keberhasilan pembelajaran. Bagi memastikan keseluruhan persekitaran murid sesuai untuk pembelajaran, Kementerian akan memberi tumpuan kepada pembangunan sistem pembelajaran yang lebih luas dan tidak hanya tertumpu di sekolah (Ekshibit 7-12).

Tahap semasa pelibatan ibu bapa dan komuniti dalam pendidikan

Dapatan kajian antarabangsa PISA 2009+ menunjukkan bahawa selain daripada minat ibu bapa dalam pendidikan anak mereka yang merupakan langkah awal yang penting, faktor utama yang mendorong kepada pencapaian murid adalah cara ibu bapa menghabiskan masa bersama anak-anak di rumah. Berdasarkan data kajian, OECD merumuskan bahawa: “Sebenarnya, ibu bapa tidak memerlukan ijazah kedoktoran atau masa yang berterusan untuk membuat perubahan. Prestasi bacaan yang lebih baik dalam kalangan murid mempunyai perkaitan dengan aktiviti ibu bapa bersama-sama anak-anak mereka. Aktiviti begini tidak memerlukan banyak masa atau pengetahuan yang khusus. Apa yang dituntut ialah minat sejati dan pelibatan aktif.”

EKSHIBIT 7-12

Apakah “sistem pembelajaran”?

Sistem pembelajaran mengiktiraf bahawa pembelajaran berlaku di luar lingkungan sekolah dan boleh berlaku di rumah dan dalam komuniti. Sekolah mesti menyediakan persekitaran yang kondusif untuk jalinan hubungan kerja positif antara sekolah dengan ibu bapa dan komuniti.

Kerjasama sekolah dengan ibu bapa:
- Mempunyai tanggung jawab yang dikongsi bersama antara ibu bapa dan guru bagi memastikan pembelajaran berkualiti untuk murid
- Meningkatkan kesedaran ibu bapa dalam membantu pembelajaran murid
- Memperluas peranan ibu bapa sebagai rakan sekolah dalam meningkatkan keberhasilan anak-anak mereka

Kerjasama sekolah dengan komuniti:
- Mendapat kerjasama secara sukarela daripada pertubuhan dalam komuniti untuk menyediakan pelbagai perkhidmatan dan memberi manfaat kepada sekolah setempat
- Menggalakkan pelibatan murid dalam pertubuhan dan aktiviti komuniti serta mendapat pengajaran penting melalui proses tersebut

"Banyak aktiviti ibu bapa bersama-sama anak berkaitan dengan prestasi bacaan yang baik dalam kalangan anak-anak tidak memerlukan banyak masa atau pengetahuan khusus."

PISA OECD (2011)

Laporan OECD menunjukkan, sebagai contoh, murid yang ibu bapanya melaporkan bahawa mereka membaca buku bersama-sama anak mereka "setiap hari atau hampir setiap hari" atau "sekali atau dua kali seminggu" ketika tahun pertama di sekolah rendah mendapat skor yang lebih tinggi dalam PISA 2009+ berbanding murid yang ibu bapanya melaporkan bahawa mereka "tidak pernah atau hampir tidak pernah" atau hanya "sekali atau dua kali sebulan" membaca buku bersama-sama anak mereka (Ekshibit 7-13). Apa yang penting, dapatan ini adalah benar sama ada bagi keluarga berpendapatan rendah, sederhana atau tinggi.

Satu tahap yang tinggi telah wujud mengenai garis asas pelibatan ibu bapa di Malaysia. Satu kajian yang dijalankan oleh Pejabat Menteri Pelajaran pada Disember 2011 terhadap 1,800 rakyat Malaysia di seluruh negara mendapati 60% ibu bapa melaporkan bahawa mereka menghabiskan sejumlah waktu setiap hari membantu anak mereka membuat kerja rumah. Daripada kajian ini juga, didapati 50% menyatakan bahawa mereka menghabiskan sejumlah waktu untuk berbincang dengan anak mereka tentang sekolah. Semua ini merupakan faktor yang dikaitkan dengan prestasi membaca yang baik dalam kalangan murid di sekolah. Perkara utama adalah memastikan amalan ini berlaku dalam setiap isi rumah, dan menjadikan keluarga

EKSHIBIT 7-13

Sokongan ibu bapa pada peringkat awal sekolah rendah



SUMBER: OECD, Pangkalan Data PISA 2009+

rakan penting kepada sekolah dalam meningkatkan keberhasilan pembelajaran murid.

Kajian juga mendapati sekolah dan sistem sekolah yang memperluaskan tumpuan daripada ibu bapa sehingga kepada komuniti setempat, menunjukkan lonjakan besar dalam keberhasilan murid. Pelibatan komuniti - perniagaan, entiti tak mencari keuntungan, dan pertubuhan masyarakat - boleh membawa masuk sumber (dalam bentuk pembiayaan dan akses kepada keupayaan) menjangkau kemampuan yang boleh diberikan oleh sektor awam. Sebagai contoh, kajian yang dijalankan oleh *Centre for Social Organisation of Schools* di Amerika Syarikat mendapati sekolah yang melibatkan kumpulan komuniti, termasuk badan perniagaan, pertubuhan sivik, kolej serta universiti, menikmati manfaat termasuk penurunan kadar ponteng sekolah, kadar menyiapkan kerja sekolah yang lebih tinggi, dan pencapaian gred yang lebih baik dalam kalangan murid.

Pelibatan komuniti, khususnya kutipan derma oleh PIBG, bukanlah amalan baharu bagi sekolah di Malaysia. Walau bagaimanapun, Kementerian memberi penekanan tentang keperluan sekolah untuk menjalin kerjasama dengan tumpuan kepada perkongsian kepakaran. Dalam sesetengah kes, terdapat beberapa buah sekolah dan komuniti yang telah membangunkan pendekatan untuk menambah baik penyampaian perkhidmatan pendidikan kepada murid.

Sektor swasta juga boleh memainkan peranan penting bagi mencapai aspirasi sistem pendidikan negara. Walaupun sektor swasta tidak dapat menggantikan sistem awam, sektor swasta boleh bertindak sebagai penyumbang yang bermakna bagi meningkatkan inisiatif awam dan menggerakkan penyampaian perkhidmatan yang lebih cekap, termasuk dalam bidang kebitaraan. Seperti yang diperakui dalam NKRA, perkongsian awam-swasta yang dilaksanakan dengan betul boleh membantu penyampaian perkhidmatan dan dapat menambah pembiayaan sektor pendidikan, serta memperluas kesamarataan akses dan meningkatkan keberhasilan pembelajaran. Perkongsian sebegini boleh dijadikan suatu model yang berkesan, khususnya kepada kumpulan yang tidak memperoleh perkhidmatan yang baik melalui kaedah penyampaian biasa. Sebagai contoh, Kementerian sedang merintis satu model baharu yang memperkenalkan inovasi dalam kurikulum, pengajaran dan pembelajaran serta keseluruhan pengurusan sekolah yang diterajui oleh sektor swasta. Model baharu ini ialah Sekolah Amanah, dengan Yayasan AMIR sebagai rakan swasta.

Pelan Tindakan: Anjakan kepada sistem pembelajaran

Anjakan daripada sistem sekolah kepada sistem pembelajaran yang lebih luas memerlukan peningkatan pelibatan ibu bapa, komuniti dan sektor swasta merentasi semua 10,000 sekolah di seluruh negara. Justeru, semua sekolah perlu lebih proaktif dan kreatif berkomunikasi dengan komuniti yang lebih besar supaya dapat menjalin kerjasama yang lebih erat.

Banyak sekolah menghadapi kesukaran bekerjasama dengan ibu bapa daripada komuniti yang kurang bernasib baik. Umumnya, keadaan ini disebabkan ibu bapa tidak berupaya meluangkan masa dari tempat kerja untuk menghadiri bengkel atau perjumpaan. Di samping itu, wujud halangan bahasa atau budaya yang menyekat komunikasi antara guru dengan ibu bapa. Usaha untuk mengatasi halangan-halangan ini

Program Sekolah Amanah

Program Sekolah Amanah diwujudkan sebagai satu komitmen jangka panjang bagi meningkatkan akses kepada pendidikan berkualiti di sekolah kebangsaan dengan kerjasama Yayasan AMIR sebuah yayasan tak mencari keuntungan, sebagai rakan Kementerian.

Pelancaran Sekolah Amanah yang dilakukan pada Disember 2010 dan melibatkan 10 sekolah terpilih, iaitu masing-masing lima di Johor dan lima di Sarawak, adalah kohort pertama program ini. Sekolah ini dipilih sebagai mewakili sekolah yang terdapat di Malaysia merangkumi sekolah rendah dan menengah, sekolah kebangsaan dan jenis kebangsaan, serta sekolah bandar dan luar bandar.

Sekolah Amanah dikendalikan melalui penyediaan pembiayaan dan sumber tetap Kementerian. Sekolah turut diberi lebih kuasa untuk membuat keputusan dalam pengurusan sekolah bagi membolehkan inovasi dan penambahbaikan dalam kualiti pendidikan. Program ini berpandukan empat matlamat strategik: (i) membangunkan kepimpinan berkualiti tinggi; (ii) meningkatkan kualiti pengajaran dan pembelajaran; (iii) memaksimumkan pencapaian murid; dan (iv) mengukuhkan pelibatan ibu bapa, komuniti dan pihak berkepentingan yang lain.

Transformasi sekolah secara menyeluruh adalah diperlukan bagi mencapai matlamat tersebut. Tumpuan utama Sekolah Amanah adalah peningkatan kemahiran guru kerana guru merupakan pengupaya kepada pencapaian matlamat tersebut. Pada peringkat awal, tumpuan akan diberi kepada pembangunan profesional keguruan yang berstruktur bagi menambah baik kompetensi utama. Kumpulan Pemimpin Sekolah (SLT) juga menghadiri latihan bagi meningkatkan kemahiran sebagai pemimpin instruksional dan pentadbir dalam organisasi sekolah. Proses ini disokong oleh Penasihat Pengajaran dan Pembelajaran (TLA) berdedikasi yang ditugaskan di setiap sekolah untuk menjadi pembimbing kepada guru dan SLT.

Program ini telah masuk tahun kedua daripada lima tahun perjanjian dengan pihak sekolah. Hasil pada peringkat awal adalah memberansangkan kerana perubahan positif telah dapat dikesan. Dari Februari 2012 hingga Jun 2012, pencerapan pengajaran guru menunjukkan peningkatan menyeluruh sebanyak 25%. Yayasan AMIR dan BPSH telah mengenal pasti bidang khusus yang menunjukkan peningkatan termasuk:

- 33% peningkatan dalam penggunaan soalan berbentuk strategik bagi menggalakkan murid berfikir;
- 40% peningkatan dalam penggunaan struktur pembelajaran kolaboratif dan kerjasama yang telah ditentukan; dan
- 18% peningkatan dalam penggunaan strategi pengurusan tingkah laku positif.

Menghubungkan bantuan kewangan dengan keberhasilan: Kajian kes dari Brazil

Bolsa Familia yang dilaksanakan di Brazil ialah satu bentuk bantuan kewangan – program pemberian tunai yang bersyarat – melibatkan hampir 50 juta rakyat Brazil, mewakili satu perempat populasi negara tersebut. Di bawah skim ini, kerajaan memberi saraan bulanan kepada keluarga miskin sebanyak lebih kurang RM39 (13 dolar Amerika) bagi setiap anak terhad kepada tiga orang berusia 15 tahun dan ke bawah yang bersekolah. Hampir semua pemberian ini dibuat terus kepada kaum wanita, kerana mereka berkemungkinan tinggi akan berbelanja untuk keperluan keluarga. Walau bagaimanapun, pemberian ini dibuat dengan syarat murid memenuhi bilangan kehadiran tertentu ke sekolah bagi setiap bulan.

Bank Dunia melaporkan lebih kurang 110 juta penduduk di Amerika Latin pada masa ini mendapat manfaat daripada skim seperti ini. Terdapat bukti yang menunjukkan bahawa program seperti ini telah meningkatkan enrolmen dan kehadiran ke sekolah, mengurangkan kadar keciciran di samping meningkatkan amalan penjagaan pranatal dan postnatal serta suntikan vaksinasi.

adalah kunci utama dalam merapatkan jurang pencapaian disebabkan latarbelakang sosial ekonomi. Bagi mengatasi halangan tersebut, pihak sekolah perlu lebih kreatif, dan sokongan yang lebih daripada Kementerian juga diperlukan.

Gelombang 1 (2013 - 2015): Menyokong pelibatan ibu bapa dan sektor swasta

Sistem pendidikan memerlukan dua perubahan pandangan: pertama, semua pihak berkepentingan perlu berubah kepada set minda baharu yang memberi tumpuan kepada sistem pembelajaran, bukan hanya persekolahan; kedua, ibu bapa dan komuniti perlu memahami bahawa mereka mempunyai peranan yang penting untuk menyumbang kepada kejayaan anak-anak dalam pendidikan. Dalam Gelombang 1, Kementerian akan memberi tumpuan untuk membantu pihak sekolah mendekati dan menjalin kerjasama erat dengan ibu bapa dan komuniti.

Meningkatkan kesedaran melalui kempen pendidikan kebangsaan

Bagi membantu pencapaian pemahaman yang lebih jelas tentang pelibatan ibu bapa dan komuniti pada peringkat kebangsaan, Kementerian akan menjalankan kaji selidik kebangsaan tentang tahap pelibatan ibu bapa dan komuniti dalam pendidikan. Hasil kaji selidik akan dapat menyediakan garis dasar yang lebih jelas tentang tahap pelibatan, dan membolehkan penentuan sasaran bagi meningkatkan pelibatan. Kaji selidik ini akan dijalankan di seluruh negara pada awal 2013.

Bagi menyokong aspirasi ini, Kerajaan akan melancarkan kempen pendidikan kebangsaan pada awal 2013 bertujuan untuk membantu ibu bapa, komuniti yang lebih luas dan sektor swasta melakukan perubahan set minda. Berfokuskan mesej utama tentang kebertanggungjawaban bersama untuk pendidikan anak-anak (Ekshibit 7-14), matlamatnya adalah untuk memacu pelibatan ibu bapa yang lebih meluas dalam pendidikan anak-anak, membangkitkan lebih rasa tanggungjawab dalam komuniti terhadap perkembangan kanak-kanak, dan menggalakkan peningkatan pelibatan sektor swasta dalam pendidikan.

Kempen ini menggunakan pelbagai saluran penyebaran (pada peringkat kebangsaan, negeri, daerah dan sekolah) dan pelbagai bentuk media (tradisional, dalam talian, dan individu) bagi memastikan kumpulan sasaran didekati secara menyeluruh dan saling mengukuhkan tindakan untuk memacu perubahan cara pemikiran dan tingkah laku.

EKSHIBIT 7-14

Contoh poster untuk meningkatkan kesedaran ibu bapa

Tunjukkan rumah anda, kawasan kejiranan, dan komuniti kepada anak anda.

Tunjukkan haiwan, pokok, dan manusia.

Bersama, terokai semua keajaiban kehidupan di luar.

Bantu anak anda untuk alami perbezaan pelbagai pemandangan, bunyi, sentuhan, bauan dan rasa.

Alami keseronokan bersama dengan melihat trak dan peralatan yang terdapat di balai bomba atau tempat pembinaan.

Ingatkan anak anda tentang keseronokkan melakukan akitiviti bersama-sama.

Melancarkan sarana pelibatan untuk sekolah

Kementerian telah membangunkan sarana yang komprehensif dan dilaksanakan pada 2013 untuk menyediakan bimbingan yang lebih mantap dan khusus tentang cara sekolah boleh menjalinkan hubungan kerjasama yang lebih erat dengan ibu bapa, komuniti dan sektor swasta. Sarana ini akan membolehkan setiap sekolah membangunkan: (i) prospektus sekolah dan (ii) pelan pelibatan ibu bapa dan komuniti.

Seterusnya, Kementerian akan mewajibkan setiap sekolah menyediakan prospektus bagi memberi maklumat kepada ibu bapa berkaitan aspirasi sekolah, serta peraturan dan perincian lain, supaya ibu bapa sedar tentang tanggungjawab bersama. Sokongan akan diberikan kepada sekolah yang memerlukan bantuan untuk menghasilkan prospektus masing-masing. Prospektus ini akan diedarkan kepada ibu bapa murid Tahun 1 dan Tingkatan 1 pada hari pendaftaran, manakala versi dalam talian akan dimuat naik pada laman sesawang sekolah.

Matlamat pelan pelibatan ibu bapa dan komuniti adalah untuk menggalakkan PIBG dan komuniti meluaskan fokus mereka, daripada mengutip derma kepada membangunkan program pembelajaran yang diterajui oleh ibu bapa dan komuniti. Bagi membantu pihak sekolah membangunkan pelan tersendiri pelibatan ibu bapa dan komuniti, Kementerian akan menyediakan instrumen kaji selidik bagi mentaksir tahap pelibatan yang terkini, di samping langkah yang jelas dan penentuan bidang keutamaan yang perlu diambil tindakan.

Menyusun semula bantuan kewangan bagi mengukuhkan pelibatan ibu bapa

Kementerian bercadang menyusun semula program bantuan kewangan sedia ada untuk keluarga berpendapatan rendah bagi mengurangkan kos persekolahan anak. Bagi tiga tahun akan datang, Kementerian akan memberi tumpuan kepada program KWAPM, dengan mengukuhkan perkaitan antara bantuan kewangan dengan keberhasilan yang dihasratkan. Khususnya, program KWAPM boleh dilaksanakan secara optimum dengan menjadikannya alat untuk merangsang keluarga berpendapatan rendah meningkatkan pelibatan dalam pendidikan anak mereka dengan pembiayaan yang mensyaratkan ibu bapa dan murid mencapai sasaran dan pencapaian yang diharapkan.

Bagi meningkatkan keberkesanan pengagihan KWAPM dengan kehadiran murid serta pelibatan ibu bapa, Kementerian akan menyusun semula proses pengagihan KWAPM. Bantuan KWAPM akan diagihkan setiap enam bulan, dengan menghendaki kehadiran minimum yang diwajibkan bagi murid sebagai syarat untuk pengagihan kedua. Pihak PPD bertanggungjawab memantau pematuhan proses baharu ini dan mengukur keberhasilan sasaran.

Memudahkan pemberian biasiswa daripada sektor swasta

Kementerian menghargai inisiatif dan budi baik sektor swasta di Malaysia kerana menyediakan biasiswa. Biasiswa ini membolehkan murid yang layak dan berprestasi tinggi mendapat akses kepada pendidikan berkualiti serta mencapai potensi mereka sepenuhnya. Dalam Gelombang 1, program ini boleh dimanfaatkan dengan memperluas pelbagai pilihan pendidikan berkualiti kepada murid daripada latar belakang yang kurang bernasib baik. Program ini berupaya menunjukkan impak dalam jangka pendek, sementara kualiti sistem pendidikan masih dalam proses ditingkatkan.

Meningkatkan program pengambilan sekolah angkat

Pada 2006, Kementerian melancarkan program PINTAR (Promoting Intelligence, Nurturing Talent and Advocating Responsibility) bagi menggalakkan syarikat bekerjasama dengan sekolah yang kurang mendapat kemudahan untuk memperkenal teknologi baharu, aktiviti lepas sekolah, projek literasi, klinik pendidikan dan ceramah motivasi kepada murid. Sehingga ini, program ini telah mendapat sambutan yang baik, dengan 292 sekolah dijadikan sekolah angkat oleh 35 rakan korporat (kebanyakannya syarikat milik kerajaan). Kementerian akan terus menggalakkan lebih ramai rakan korporat menyertai program ini supaya lebih banyak sekolah mendapat tajaan.

Memperluas jaringan Sekolah Amanah

Kementerian akan terus mengemas kini perjanjian Operasi dan Pengurusan (OMA) sedia ada dengan Yayasan AMIR untuk menyokong kejayaan program rintis yang telah dilaksanakan. Perubahan ini akan menambah autonomi yang diberikan kepada Sekolah Amanah dan seterusnya meningkatkan keberkesanan sekolah, termasuk keluwesan menggunakan dana yang ada untuk membiayai inisiatif penambahbaikan sekolah, peluang untuk memperkenal kurikulum bertaraf dunia berdasarkan program International Baccalaureate (IB) dan *International General Certificate of Secondary Education* (IGCSE), dan kuasa melantik wakil daripada pihak berkepentingan tempatan menjadi ahli Lembaga Pengelola Sekolah.

Kementerian akan menilai hasil program rintis Sekolah Amanah pada akhir 2013. Jika hasilnya menggalakkan, Kementerian akan memperluas program ini dengan menambah bilangan Sekolah Amanah daripada 10 sekolah perintis sedia ada kepada 20 sekolah menjelang 2015.

Kementerian menyedari bahawa apabila keputusan diambil untuk memperluas jaringan Sekolah Amanah pada 2013, pelbagai penganjur dan jenis sekolah yang dicadangkan akan memerlukan OMA yang berbeza untuk menjayakan program ini. Sebagai contoh, pentadbiran sekolah pendidikan khas mungkin memerlukan lebih banyak guru pakar daripada bilangan sumber tempatan sedia ada. Oleh itu, lebih autonomi diperlukan bagi mengambil guru pakar dari luar. Sebagai sebahagian daripada proses perluasan, Kementerian akan membangunkan satu rangka kerja terbuka dan menyediakan OMA yang standard untuk Sekolah Amanah dengan memberi autonomi dan keluwesan yang secukupnya kepada pelbagai kumpulan penaja dan jenis sekolah.

Bagi membantu bakal penaja membuat pemohonan, Kementerian akan mengeluarkan satu set kriteria kelayakan yang jelas serta mengurangkan potensi sekatan penyertaan (seperti komitmen kewangan minimum) dan pada masa yang sama memastikan tidak ada kompromi terhadap kualiti pendidikan yang disediakan. Proses permohonan akan diperkemas bagi mengurangkan birokrasi (dan bagi mendapatkan hasil berdasarkan anggaran jangka masa setahun dari permulaan). Selain itu, dialog dan proses pelibatan diadakan di sekolah terpilih bagi memastikan keselarasan dalam kalangan pihak berkepentingan utama sebelum bertukar kepada program Sekolah Amanah.

Amalan terbaik inovasi pengajaran dan pembelajaran daripada inisiatif Sekolah Amanah perlu dijadikan amalan dalam Kementerian bagi memastikan keseluruhan sistem pendidikan mendapat manfaat daripada program ini dalam jangka masa pendek dan sederhana. Bagi menyokong proses ini, Kementerian akan menambah baik hubungan antara Sekolah Amanah dengan JPN/PPD untuk memastikan wujud kebertanggungjawaban dan semangat keempunyaan yang lebih tinggi pada peringkat negeri dan daerah.

Gelombang 2 (2016 - 2020): Memantapkan pelibatan

Gelombang 2 akan memberi tumpuan kepada pembinaan asas yang diwujudkan dalam gelombang sebelum ini. Pihak PIBG akan memainkan peranan yang lebih meluas dalam memberi sokongan kepada sekolah dan membantu usaha menggerakkan pelibatan komuniti yang lebih luas pada peringkat sekolah. Usaha memantapkan pelibatan sektor swasta juga akan dijalankan, dengan memperkemas dua program, iaitu Program Sekolah Angkat dan Jaringan Sekolah Amanah.

Memperluas peranan PIBG

Peranan PIBG juga akan diperluaskan bagi menyediakan satu jaringan sokongan dalam kalangan ibu bapa yang dikenali sebagai Kumpulan Sokongan Ibu Bapa (KSIB). Ibu bapa dapat belajar dan berkongsi amalan terbaik dalam bekerjasama dan membantu anak mereka dalam proses pembelajaran dan tumbesaran. Ahli PIBG juga boleh membantu meningkatkan keberkesanan pelaksanaan aktiviti dan program di sekolah dalam bidang seperti tadbir urus, pengumpulan dana (derma), tenaga kerja (pengiring, jurulatih), dan perkongsian kepakaran. PIBG juga akan diberi kuasa untuk memberi input kepada kepimpinan sekolah tentang aspek menjadikan perkaitan kurikulum kebangsaan dengan konteks setempat, dan kualiti pengajaran serta pembelajaran di sekolah.

Pelibatan komuniti lebih luas

Sekolah juga akan mendekati komuniti yang lebih luas untuk bekerjasama bagi meningkatkan pembelajaran murid. Kerjasama ini akan merangkumi aktiviti yang berpusatkan murid (termasuk inisiatif seperti program mentor, lawatan murid, latihan sandaran industri); berpusatkan sekolah (termasuk tajaan peralatan sekolah, bahan bantuan pembelajaran, dan bantuan dalam bilik darjah); dan berpusatkan komuniti (seperti khidmat komuniti, prestasi murid). Inisiatif ini adalah penting bagi semua sekolah, dan lebih penting lagi dalam komuniti yang kurang bernasib baik.

Bagi membantu pihak sekolah membangunkan pelan pelibatan komuniti mereka sendiri, Kementerian juga akan melengkapkan sekolah dengan bahan rujukan amalan terbaik tempatan dan antarabangsa untuk mengukuhkan pelibatan, contohnya kelas literasi dewasa. Kementerian akan memantau pembangunan dan pelaksanaan pelan ini dengan teliti. Sekolah akan memacu proses pelibatan pada peringkat awal inisiatif. Namun demikian, PIBG akan meningkatkan perancangan dan pengurusan pelibatan komuniti yang lebih luas.

Memperkemas Sekolah Amanah

Menjelang 2020, Kementerian menjangkakan sebanyak 90 Sekolah Amanah akan beroperasi di seluruh negara. Penambahan ini akan membolehkan pelibatan lebih banyak kumpulan penaja sekolah, selain Yayasan AMIR, termasuk pihak swasta, pertubuhan komuniti, dan badan alumni serta pelbagai jenis sekolah. Kementerian melihat kemungkinan memperluas liputan jaringan Sekolah Amanah dengan melibatkan sekolah berprestasi rendah (dalam Band 6 atau 7, atau sekolah yang menunjukkan prestasi merosot dalam pencapaian murid), sekolah untuk kumpulan murid berkeperluan khusus, seperti komuniti Orang Asli, Penan dan masyarakat peribumi lain, murid berkeperluan khas, dan sekolah pedalaman serta sekolah kurang murid. Kementerian akan berterusan membuat penyesuaian OMA untuk menyokong lebih banyak pelibatan pelbagai penaja dan pilihan sekolah dalam program Sekolah Amanah.

Gelombang 3 (2021 - 2025): Menggalakkan lebih banyak inovasi daripada sektor swasta

Dalam Gelombang 3, sistem pembelajaran yang kukuh akan wujud dengan pelibatan ibu bapa, komuniti dan sektor swasta sebagai rakan yang komited dalam pendidikan. Dalam tempoh ini, Kementerian akan memberi tumpuan kepada memperkenal inovasi tambahan bagi meningkatkan pencapaian sebelum ini.

Menjadikan Sekolah Amanah perintis inovasi

Kementerian menjangkakan sebanyak 500 Sekolah Amanah akan beroperasi menjelang 2025 (mewakili kira-kira 5% keseluruhan sekolah awam). Sistem Sekolah Amanah akan mempertingkat inisiatif terdahulu untuk menguji amalan inovasi dalam pengajaran dan pembelajaran. Inisiatif ini seterusnya boleh dijadikan amalan dan diguna pakai dalam seluruh sistem pendidikan untuk manfaat semua murid.

Menyokong sektor swasta yang memulakan program khas pendidikan

Kementerian mengiktiraf bahawa bukan semua jenis sekolah mendapat perhatian yang sama daripada pihak penaja yang berpotensi. Oleh itu, Kementerian akan mengkaji pembangunan kaedah alternatif untuk mendapatkan khidmat pakar dalam pendidikan. Langkah ini mungkin lebih relevan untuk menambah baik penyediaan pendidikan kepada komuniti seperti Orang Asli dan Penan serta kumpulan minoriti lain, murid berkeperluan khas, dan sekolah pedalaman. Langkah ini boleh diperluas ke sekolah khusus seperti sekolah pintar cerdas, sekolah sukan dan sekolah seni.

Sebagai contoh, Hong Kong telah menubuhkan *Hong Kong Academy for Gifted Education* (HKAGE) untuk memberi khidmat kepada 2% kumpulan teratas murid pintar cerdas di wilayah tersebut. HKAGE menyediakan program pengayaan di luar sekolah untuk murid, di samping memberi nasihat dan bimbingan kepada guru dan ibu bapa. Akademi ini ditubuhkan sebagai syarikat tak mencari keuntungan supaya dapat memberi kebebasan dan keluwesan yang diperlukan untuk memberi khidmat kepada kumpulan khusus ini. Walau bagaimanapun, HKAGE menerima sebahagian besar pembiayaannya daripada kerajaan Hong Kong dan juga sumber swasta.

Menerokai inovasi pelibatan berterusan ibu bapa, komuniti dan sektor swasta

Kementerian akan terus menerokai bidang lain yang membolehkan rakan swasta memacu usaha ke arah peningkatan keberhasilan murid. Bidang yang berpotensi ini termasuk pelibatan rakan media untuk kempen pendidikan dan inisiatif pengumuman perkhidmatan awam, dan kerjasama dengan syarikat peruncit yang besar untuk kempen literasi.

Malaysia perlu menyesuaikan struktur sistem pendidikan bagi membolehkan semua murid mendapat akses kepada peluang pilihan pendidikan yang sesuai pada masa yang tepat, sejak dalam buaian hinggalah mereka melangkah ke alam pekerjaan. Strategi serampang empat mata diperlukan untuk mencapai matlamat ini. Pertama, elemen struktur asas seperti jumlah tahun persekolahan formal dan pendidikan wajib akan diselaraskan dengan sistem pendidikan berprestasi tinggi seperti Singapura dan Hong Kong. Sistem pendidikan juga akan terus membangunkan laluan yang menarik dan berdaya maju supaya dapat memenuhi kepelbagaian minat dan bakat murid Malaysia. Salah satu bidang yang amat penting bagi pembangunan negara adalah pengukuhan pendidikan vokasional. Kementerian juga sedang menggerakkan sistem pendidikan secara sistematik daripada model pembelajaran berasaskan sekolah kepada sistem pembelajaran yang lebih meluas. Langkah ini akan menuntut pelibatan dan rasa keempunyaan yang tinggi daripada ibu bapa dan komuniti setempat terhadap pendidikan anak-anak mereka. Akhir sekali, sektor swasta akan memainkan peranan penting dalam memacu perubahan dalam pendidikan prasekolah, pendidikan vokasional dan bahagian yang lain.